

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI  
GAYA PEMBELAJARAN DAN KESANNYA  
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK**

**Kertas Projek ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah untuk  
memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian  
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan),  
Universiti Utara Malaysia.**

**Oleh:**

**Tumerah bt Rosmin**

**© TUMERAH BT ROSMIN, 1998. Hak cipta terpelihara**



**Sekolah Siswazah  
(Graduate School)  
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK  
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
*(I, the undersigned, certify that)*

**TUMERAH BT. ROSMIN**

calon untuk Ijazah  
*(candidate for the degree of)* Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
*(has presented his/her project paper of the following title)*


**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI GAYA PEMBELAJARAN DAN KESANNYA  
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK.**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek  
*(as it appears on the title page and front cover of project paper)*

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,  
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
*(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory  
knowledge of the field is covered by the project paper).*

Nama Penyelia  
*(Name of Supervisor):* Prof. Madya Tuan Haji Razak Ismail

Tandatangan  
*(Signature)*



Tarikh  
*(Date)*

23/12/98

## KEBENARAN MERUJUK

Dalam menyerahkan kertas projek ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian peringkat Sarjana, Universiti Utara Malaysia (UUM); saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya bagi tujuan rujukan. Saya turut bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik; boleh diperolehi daripada penyelia saya, atau semasa ketiadaan beliau, daripada dekan Sekolah Siswazah UUM. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini bagi tujuan perniagaan adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam kertas projek ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau kegunaan lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini, perlu dialamatkan kepada:

Dekan Sekolah Siswazah,  
Universiti Utara Malaysia,  
06010 Sintok, Kedah Darul Aman.

## Abstrak

Usaha untuk mengkaji secara mendalam tentang gaya pembelajaran dan perbezaan individu dari aspek kognitif amat terhad kerana teori-teori yang berkaitan tidak mencukupi. Kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perhubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. “Grasha- Reichmann Learning Styles inventory” telah digunakan untuk mengenalpasti kecenderungan gaya pembelajaran – bebas, bergantung, mengelak, bekerjasama, bersaing dan mengambil bahagian. Setiap satu gaya pembelajaran tersebut boleh diterjemahkan kepada kecenderungan perlakuan dan persepsi. Walaupun enam jenis gaya pembelajaran telah diuji, namun dapatan kajian menunjukkan hanya satu hipotesis sahaja yang mempunyai perhubungan yang signifikan. Kajian ini mendapati gaya pembelajaran amat dipengaruhi dengan signifikan oleh etnik. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang negatif dan tidak signifikan di antara jantina dan umur dengan gaya pembelajaran. Kajian juga mendapati bahawa tidak ada perhubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan latarbelakang tempat asal pelajar. Gaya pembelajaran juga tidak menunjukkan pengaruh yang jelas ke atas pencapaian akademik. Ini menandakan adanya keperluan untuk mengkaji aspek tersebut dengan lebih teliti di luar dari skop kajian ini. Dapatan kajian ini hanyalah berdasarkan hipotesis mengenai kepelbagaian gaya pembelajaran yang boleh membantu perancangan strategi pengajaran yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran pelajar.

## Abstract

Attempts to broaden the conception of learning styles to represent more adequately individual differences in cognition are limited by a scarcity of relevant theories. This document reports on a study to determine if there is a pattern between specific learning styles and academic achievement. The learning styles inventory used for the study is based on "Grasha-Reichmann Student Learning Styles" indicator preferences, i.e. independent, dependent, avoidance, collaborative, competitive and participant, each of which has distinctive and characteristics that can be translated into behavior and perceptual preferences.

Although six instructional preferences were assessed, findings were statistically significant for only one. Learning style preferences were significantly influence by ethnicity. The finding also suggests that gender and age were negatively and significantly related to the learning styles. It was found that there was no significant relationship between learning styles and student's home background. Student learning styles also had no apparent influence on academic achievement, indicating a need for closer scrutiny beyond the scope of this study.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr Ibrahim Ahmad Bajunid dan Dekan Sekolah Siswazah, Professor Madya Dr. Ibrahim Abd. Hamid kerana telah merintis jalan memberi peluang kepada saya mempertingkatkan ilmu pengetahuan akademik dan iktisas sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan.

Jutaan terima kasih kepada Professor Madya Tn.Hj. Abdul Razak Ismail selaku penyelia kertas projek ini di atas tunjuk ajar, bimbingan dan galakan yang diberikan kepada saya sehingga kertas projek ini dapat disiapkan. Ucapan terima kasih juga saya hулurkan kepada Pengetua, Timbalan Pengetua, Ketua Jabatan Pendidikan dan rakan-rakan pensyarah di Maktab Perguruan Sarawak, Miri di atas bantuan dan sokongan moral yang diberikan. Saya berdoa semoga segala usaha dalam hidup mereka sentiasa diberkati Allah.

Akhir sekali, penghargaan istimewa buat suami, Mohd. Bashah Hj. Babji dan anak-anak, Shah, Reezan, Imee dan Shafinaz yang sentiasa memberi galakan dan sokongan. Pengorbanan, kesabaran dan pengertian mereka adalah sumber kekuatan dan inspirasi. Sesungguhnya kejayaan ini adalah milik kita bersama.

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
BAB	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	2
Objektif Kajian	8
Ringkasan rekabentuk kajian	9
Kepentingan kajian	9
Deskripsi Bab-bab selanjutnya	12
ULASAN KARYA	
Definisi konsep	13
Ulasan karya	14
Kesimpulan	32
METODOLOGI PENYELIDIKAN	36
Hipotesis penyelidikan	36
Hasil yang dijangkakan	39
Reka bentuk penyelidikan	39
Sampel penyelidikan	39

Kaedah pengumpulan data	41
Instrumen kajian	43
Keesahan dan kebolehpercayaan kajian	46
Kadar responden dan ciri-ciri responden	47
KEPUTUSAN KAJIAN	50
Statistik kajian	51
Keputusan	52
Analisis responden	53
Keputusan analisis perbandingan	54
Kesimpulan	64
PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	66
Perbincangan	66
Implikasi untuk latihan dan penyelidikan	71
Kesimpulan.	80
BIBLIOGRAFI	82
LAMPIRAN A - Soal Selidik Gaya Pembelajaran	93
Lembaran Skor	100

Kaedah pengumpulan data	41
Instrumen kajian	43
Keesahan dan kebolehpercayaan kajian	46
Kadar responden dan ciri-ciri responden	47
KEPUTUSAN KAJIAN	50
Statistik kajian	51
Keputusan	52
Analisis responden	53
Keputusan analisis perbandingan	54
Kesimpulan	64
PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	66
Perbincangan	66
Implikasi untuk latihan dan penyelidikan	71
Kesimpulan.	80
BIBLIOGRAFI	82
LAMPIRAN A - Soal Selidik Gaya Pembelajaran	93
Lembaran Skor	100

## SENARAI JADUAL

Muka surat

1	Model gaya pembelajaran	28
2	Kerangka Konseptual Kajian.	37
4-0	Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah- pembolehubah bebas	51
4-1	Analisis responden	53
4-2	Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah jantina dan enam jenis gaya pembelajaran	55
4-3	Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah umur dan enam jenis gaya pembelajaran	56
4-4	Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah etnik dan enam jenis gaya pembelajaran.	57
4-5	Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah tempat asal dan enam jenis gaya pembelajaran.	58
4-6	Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah keputusan peperiksaan dan enam jenis gaya pembelajaran.	59
4-7	Keputusan Ujian t antara jantina dengan enam jenis gaya pembelajaran.	60
4-8	Keputusan Analisis Varians (ANOVA) antara umur dengan enam jenis gaya pembelajaran.	61

4-9	Keputusan Analisis Varians (ANOVA) antara etnik dengan enam jenis gaya pembelajaran	62
4-10	Keputusan Analisis Varians(ANOVA) antara tempat asal dengan enam jenis gaya pembelajaran.	63
4-11	Keputusan analisis Korelasi Pearson antara keputusan peperiksaan dengan gaya pembelajaran.	64

## BAB 1

### PENGENALAN

Penekanan terhadap pendidikan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh telah menandakan perubahan yang penting dalam pemikiran tentang adanya perbezaan di kalangan manusia. Pelajar yang terlibat secara aktif di dalam proses pembelajaran dikatakan akan lebih berjaya (Dewar 1995; Hartman 1995, Leadership Project 1995). Apabila pelajar melibatkan diri secara aktif di dalam proses pembelajaran, mereka sendiri merasa terdorong untuk mencapai sesuatu kejayaan dan aras pembelajaran arah sendiri akan meningkat. Asas penting untuk mendorong pelajar terlibat secara aktif di dalam pembelajaran terletak [pada usaha memahami gaya pembelajaran yang positif atau negatif yang boleh mempengaruhi pelajar ( Birley & Rodman 1995, Dewar 1995, Hartman 1995). Menyesuaikan bahan-bahan pengajaran untuk memnuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran pelajar juga akan merangsang kecenderungan pelajar mengikuti proses pembelajaran (Agogino & Hsi 1995; Kramer-Koehler, Tooney & Beke 1995). Schroeder (1996) pula mengatakan bahawa terdapat kepelbagaian kecenderungan gaya pembelajaran yang perlu dipertimbangkan. Manakala Birkey dan Rodman (1995) pula menekankan wujudnya perbezaan yang jelas di dalam cara seseorang individu belajar dan memproses maklumat. Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan kesedaran terhadap perbezaan individu semakin penting dalam menghadapi sistem pendidikan terbuka dan memberi tumpuan kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Walaupun perubahan ini pada dasarnya memerlukan pengamatan yang teliti,

namun ia memberi kesan kepada falsafah dan pemahaman tentang konsep perbezaan gaya pembelajaran yang dapat di terima dan dipraktikkan.

Dalam kebanyakan bilik darjah, pencapaian pelajar masih diukur berdasarkan kepada prestasi pelajar yang ditentukan oleh guru dan amalan pengajaran juga membayangkan kecenderungan menggunakan pengajaran berpusatkan guru dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang sudah menjadi kebiasaan seperti menulis kertas kerja, membuat tugas dan menjawab soalan peperiksaan. Kebanyakan persekitaran sekolah menyukai pelajar yang patuh kepada arahan guru jika dibandingkan dengan pelajar yang aktif mengambil bahagian dalam pembelajaran dan mungkin mempunyai cara belajar yang tersendiri. Guru umumnya menggemari pengajaran yang sistematik, berlandaskan kurikulum yang terancang dan menggunakan kaedah pengajaran yang tertentu. Kesan daripada kebiasaan ini penilaian ke atas pelajar amat terbatas hingga berlakunya keadaan di mana pelajar cerdik kandas dalam pelajaran disebabkan oleh berbagai faktor persekitaran yang mendorong kegagalan tersebut. Walaupun dapatan daripada psikologi diterapkan untuk berhadapan dengan pelajar di dalam bilik darjah, namun guru tidak memberi penekanan yang khusus kepada satu aspek penting yang lain iaitu gaya pembelajaran. Kurikulum sekolah lebih menghargai pengetahuan yang abstrak daripada yang konkrit, menekankan pengetahuan yang praktikal logikal serta pemikiran analitik daripada keupayaan intuitif individu dalam menyelesaikan masalah.

Pembelajaran adalah sesuatu yang kompleks yang boleh ditakrifkan sebagai satu proses pengumpulan maklumat dan pengalaman yang boleh menghasilkan perubahan yang agak tetap kepada tingkah laku manusia (Ee Ah Meng, 1992). Pembelajaran menggalakkan penemuan baru dan inovasi

yang dihasilkan berdasarkan pembangunan masa lalu. Keupayaan manusia untuk belajar hampir tiada batasan untuk membentuk kepelbagaian tingkahlaku. Dalam konteks bilik darjah, banyak teori pembelajaran yang dikemukakan untuk membolehkan guru merancang strategi pengajaran dan pembelajaran serta seterusnya mengaplikasikan teori-teori tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun demikian, selain daripada pengaplikasian teori, guru perlu meneroka lebih jauh tentang individu yang dikendalikannya dari sudut psikologi dengan memahami gaya pembelajarannya.

#### PERNYATAAN MASALAH

Sejak tahun 1920an hingga 1950an, kajian-kajian yang berhubung dengan psikologi dijalankan di dalam makmal dan menggunakan haiwan sebagai bahan ujikaji. Eksperimen yang dijalankan oleh ahli-ahli psikologi seperti Pavlov, J.B. Watson, B.F Skinner dan lain-lain kemudiannya dijadikan asas untuk melihat psikologi tingkahlaku manusia (Beihler 1978). Menjelang 1980an ramai ahli psikologi pendidikan seperti Gagne, Merrill, Reigeluth, Driscoll, Glaser berpendapat bahawa tidak semua pembelajaran bergantung kepada desakan atau ganjaran luaran. Sebaliknya ramai berpendapat pembelajaran adalah satu proses percantuman dan intergrasi pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada. Perkara-perkara yang menentukan sama ada pembelajaran berlaku adalah bakat, pengetahuan sedia ada, gaya pembelajaran setiap individu, pengamatan, motivasi, minat, keyakinan diri, tugas dan prosedur pembelajaran, kaedah pengajaran dan sebagainya. Sebahagian besar daripada tanggungjawab pembelajaran merupakan sebagai aktiviti atau tugas kognitif kepada pelajar (Hajira & Ong, 1998).

Mengikuti teori kognitif, pembelajaran berlaku apabila pengetahuan dan kemahiran yang baru dipelajari dapat diaplikasikan dalam konteks yang baru dan lebih berkesan (Gagne,1984). Sebagai contoh, teori pemerosesan maklumat adalah tentang bagaimana manusia memberi perhatian, memilih dan menyerapi maklumat; dan bagaimana kemudiannya ia menggunakan maklumat tersebut untuk membuat sesuatu keputusan atau tindakan. Pembaharuan ini memberi keutamaan kepada proses-proses kognitif serta menjelaskan bahawa hasil-hasilan pembelajaran hanya boleh dicapai atau diperolehi setelah seseorang itu mempunyai persediaan dan berjaya menguasai beberapa tahap atau hierarki. Input daripada pelajar adalah sama penting dengan perancangan serta pengajaran guru. Hasil pembelajaran ialah kemahiran intelek, strategi-strategi kognitif, maklumat berbahasa, kemahiran psikomotor dan sikap (Gagne, 1984). Pendekatan ini lebih menyatakan bahawa pembelajaran adalah satu proses pembinaan pengalaman dan kemahiran seseorang pelajar yang sentiasa terlibat dengan proses mengintergrasikan pengetahuan baru dengan pengetahuan lama. Aktiviti-aktiviti pembelajaran melibatkan berbagai kaedah pengajaran yang boleh menggalakkan pemerosesan maklumat dan pemikiran pelajar ( Hajira & Ong, 1998).

Teori-teori pembelajaran yang telah dibina adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip perancangan arahan bilik darjah. Kesan dari usaha pengubahsuaian kurikulum telah membawa kepada pengenalan bidang baru dalam psikologi iaitu gaya pembelajaran. Ackerman & Woltz, (1987) mengatakan kajian tentang keupayaan intelek dan pembelajaran telah dibangunkan sejak 1950an. Bilik darjah tradisional hanya menekankan kecerdasan bahasa dan logikal sahaja. Menurut Gardner (1983), guru perlu menyediakan peluang dan

strategi pembelajaran yang meliputi tujuh jenis kecerdasan iaitu linguistik, logikal, 'spatial', muzikal, kinestetik, personal dan interpersonal bagi memenuhi keperluan setiap pelajar yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran. Guru memainkan peranan mencari pembolehubah-pembolehubah yang dapat meningkatkan keupayaan pelajar mengikuti pembelajaran dan salah satu daripada strategi yang boleh digunakan ialah dengan memahami gaya pembelajaran setiap pelajarannya (Frazee & Rudnitski, 1995). Guru tidak perlu merancang pengajaran bagi setiap pelajar tetapi memadai dengan mempelbagaikan strategi pengajaran yang mengambilkira beberapa jenis gaya pembelajaran yang digabungkan ( McCarthy 1987).

Gaya pembelajaran mungkin menyediakan satu bidang baru yang relevan dengan sumbangan peribadi yang boleh mengimbangi sama ada keberkesanan sesetengah strategi pembelajaran atau peraturan yang digunakan untuk menggunakan strategi berkenaan kepada pelajar. Bagi mendapatkan keesahan proses luaran yang tidak ditemui di dalam makmal sebarang dapatan perlulah disokong dengan bukti asli yang berlaku dikalangan individu dengan mengambilkira kegunaannya di dalam bilik darjah. Para pengkaji harus mencari usaha melihat hubungkait di antara perbezaan individu dalam amalan harian mereka. Kajian tentang perbezaan individu kerap memerlukan kita melihat kepada tingkah laku dari perspektif yang lebih menyeluruh. Kebanyakan intervensi dalam program latihan strategi pembelajaran adalah diperingkat taktikal dan kerap kali kita gagal memberi perhatian yang sewajarnya sama ada teknik yang digunakan sesuai untuk melahirkan hasil pembelajaran yang mudah difahami. Hasil pembelajaran adalah kesan daripada interaksi yang kompleks di antara seseorang pelajar dan situasi pembelajaran yang dilalui seperti aktiviti terarah, bahan yang

dipelajari dan jenis ujian yang digunakan untuk menilai pembelajaran. Gaya pembelajaran berada di antara personaliti dan strategi pembelajaran ke arah membentuk kontinum yang menjurus kepada hasil pembelajaran. Ia tidak spesifik sebagaimana strategi, umur atau personaliti. Gaya pembelajaran ialah ekspresi personaliti dalam konteks persekitaran yang mencerminkan strategi pembelajaran yang digemari pelajar yang meliputi elemen-elemen motivasi, sikap dan gaya kognitif seseorang individu.

Kajian yang menunjukkan konteks persekolahan, isi kandungan kurikulum, bentuk interaksi bilik darjah dan budaya sekolah mungkin boleh mengelakan layanan yang tidak adil terhadap pelajar di dalam bilik darjah. Sejauh mana kesediaan guru menghadapi pelajar yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran masih oleh dipertikaikan. Kebanyakan guru mempunyai pengetahuan yang terhad tentang perbezaan pelajar yang dari pelbagai budaya dan bahasa selain daripada mereka yang dari kaum yang sama (Benett,1989). Kurangnya perhatian yang diberi kepada memahami kepelbagaian gaya pembelajaran menyebabkan pembelajaran di dalam bilik darjah kurang berkesan (Mc Carthy, 1987). Kurikulum latihan perguruan di peringkat maktab menekankan aspek psikologi pendidikan dan strategi pembelajaran namun aspek gaya pembelajaran kurang diberi penekanan. Kesannya guru pelatih hanya mendapat pendedahan tentang teori-teori pembelajaran yang didasari oleh ujikaji-ujikaji yang dibuat di dalam makmal sahaja. Oleh itu sampailah masanya kajian dan pemerhatian dibuat secara langsung di dalam bilik darjah yang melibatkan pelajar secara langsung. Aspek gaya pembelajaran kurang diberi perhatian sedangkan ia merupakan komponen penting untuk menggalakkan lagi pembelajaran berpusatkan pelajar. Pengetahuan dan pengalaman mendalami aspek gaya pembelajaran

akan membolehkan guru pelatih lebih memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai pengurus bilik darjah. Dapatan dari kajian ini boleh dijadikan landasan kepada tindakan guru seterusnya apabila mereka mengikuti latihan mengajar atau sebagai guru terlatih. Pemilihan guru pelatih sebagai responden adalah bertujuan untuk melihat hubungan di antara gaya pembelajaran guru pelatih semasa latihan supaya mereka menggunakan pengetahuan dan pengalaman menjadi responden ke dalam situasi pengajaran di bilik darjah. Diharapkan juga dimasa yang akan datang kajian seterusnya turut dihubungkan dengan gaya pengajaran guru kerana terdapat kajian yang mengatakan bahawa gaya pembelajaran guru boleh mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar pula. Kematangan guru pelatih sebagai pelajar akan mengukuhkan lagi teori-teori gaya pembelajaran yang akan dikaitkan pula dengan pencapaian akademik pelajar. Kecenderungan responden menjurus kepada satu atau beberapa gaya pembelajaran tertentu akan menjadi panduan kepada kajian-kajian tentang gaya pembelajaran yang seterusnya. Seramai 180 orang guru pelatih akan diambil menjadi responden dari dua buah maktab dengan nisbah 60 orang pelajar cemerlang, 60 orang pelajar sederhana dan 60 orang pelajar lemah. Oleh sebab responden hanya terdiri daripada guru pelatih daripada sebuah maktab sahaja, jadi ia tidak boleh mewakili kesemua maktab perguruan di Malaysia.

Penyelidikan tentang perbezaan individu khususnya tentang gaya pembelajaran secara semulajadi merupakan sub-disiplin psikologi. Disebabkan oleh pengkhususan yang semakin meningkat, dapatan yang secara teorinya hampir sama atau berhubungkait dipecahkan menjadi lebih kecil. Hasilnya, kajian tentang gaya pembelajaran dilihat seolah-olah berasingan daripada skop psikologi pembelajaran. Tujuan kajian ini ialah

untuk meneroka dengan lebih mendalam hubungan di antara aspek spesifik gaya pembelajaran, personaliti dan kecerdasan untuk menggambarkan perbezaan individu yang boleh berfungsi dengan lebih umum dan dalam konteks sekolah khususnya. Adalah dijangkakan lebih mudah untuk menerangkan makna apa yang terkandung di dalam perbezaan ini, bagaimana ia dimulai, bagaimana ia dijelaskan dan perkara - perkara yang menghalang dan akhirnya hingga ke tahap mana ia boleh mematuhi peraturan berdasarkan kepada penyatuan pengetahuan daripada bidang pembelajaran, keupayaan dan personaliti yang secara tradisinya dianggap sebagai domain yang bebas.

Alasan yang digunakan untuk mengkaji bidang ini ialah berdasarkan kepada beberapa andaian. Ia diandaikan boleh menetapkan satu dasar tentang dimensi perbezaan individu yang menyediakan kerangka rujukan yang mantap untuk meneroka pembangunan kehidupan manusia secara umum. Gambaran secara menyeluruh dapat dijelaskan tentang terdapatnya kecenderungan tindakan dan menyatakan tentang diri mereka dalam konteks yang berbeza dan berbagai gaya pembelajaran. Satu model yang intergratif akan dibentuk dengan harapan untuk merapatkan jurang di antara pengkaji dalam bidang yang berbeza tetapi berhubungkait antara satu dengan yang lain. Model yang dicadangkan akan membuktikan faedah untuk

- (a) memahami dapatan kajian yang berbagai dan sering bercanggah dalam lingkungan kerangka kerja yang sama.
- (b) mencadangkan satu keseragaman dari segi pengistilahan untuk menghubungkan dapatan yang berbeza kepada kerangka yang terbentuk .
- (c) menyediakan asas teori untuk merumuskan persoalan kajian yang baru.

## OBJEKTIF KAJIAN

Pendidikan kini mengubah penekanan ke arah pendidikan yang boleh disesuaikan untuk semua pelajar . Pendidikan seumpama ini amat perlu untuk melahirkan generasi yang matang dan mampu menjana potensi diri yang positif. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengukuhkan beberapa faktor yang berkaitan dengan aspek-aspek gaya pembelajaran. Di antara faktor-faktor yang tersebut ialah:

1. Untuk melihat sama ada gaya pembelajaran boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.
2. Untuk melihat sama ada gaya pembelajaran yang boleh mempengaruhi pelajar memajukan potensi diri yang positif .
3. Untuk melihat sama ada faktor-faktor demografi boleh mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada wujud perhubungan di antara gaya pembelajaran di kalangan pelajar dengan ciri-ciri demografi mereka seperti jantina, umur, etnik, tempat asal. Manakala keputusan peperiksaan digunakan untuk melihat adanya perhubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Justeru, kajian ini cuba memperolehi jawapan kepada soalan-soalan berikut :

- 1) Adakah faktor jantina mempunyai perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.
- 2) Adakah faktor umur mempunyai perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.
- 3) Adakah faktor etnik mempunyai perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

- 4) Adakah faktor tempat asal mempunyai perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.
- 5) Adakah faktor keputusan peperiksaan mempunyai perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

#### RINGKASAN REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif yang menggunakan soal selidik Model "Grasha-Reichmann Student Learning Styles". Instrumen kajian tersebut digunakan untuk menunjukkan gaya pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kajian. Soalan-soalan instrumen yang digunakan adalah diukur menggunakan Skala Likert, iaitu satu ukuran sela "interval".

Soal selidik ini akan diedarkan kepada pelajar kursus Diploma Perguruan Malaysia. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Semester 5 yang mewakili golongan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Ia dipilih secara rawak untuk memenuhi sampel kajian yang berjumlah seramai 171 orang pelajar.

#### KEPENTINGAN KAJIAN.

Penyelidik berharap kajian ini dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar di peringkat maktab perguruan supaya kurikulum dapat digubal mengikut keperluan pelajar yang berbagai gaya pembelajaran. Diharapkan juga dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pelajar apabila menjadi guru terlatih, menyesuaikan diri sebagai guru permulaan berhadapan dengan pelajar yang mempunyai berbagai gaya

pembelajaran. Pengetahuan ini boleh membantu guru merancang dan merangka aktiviti pengajaran yang berpusatkan murid. Dapatan kajian ini penting untuk membantu merancang kurikulum di peringkat sekolah menengah dan lain-lain institusi pengajian tinggi supaya mengambilkira gaya pembelajaran semasa merancang dan melaksanakan kurikulum di dalam bilik darjah. Maklumat ini amat penting kepada para pendidik supaya mereka dapat memberi sumbangan yang maksima ke arah pembangunan sumber manusia yang lebih berkualiti. Dapatan dari kajian ini mempunyai implikasi kepada perkara-perkara berikut :

1. Membuat perancangan yang menyeluruh dengan menggunakan fakta-fakta yang diperolehi dari kajian ini untuk menggalakkan pelajar yang berpotensi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Dalam konteks ini, perancangan aktiviti pengajaran perlu menekankan keperluan mengambilkira gaya pembelajaran pelajar supaya setiap pelajar berpeluang melalui proses pembelajaran mengikut kesesuaian dan keselesanya sendiri. Keadaan seumpama ini akan memberi kebebasan kepada pelajar menentukan gaya pembelajaran yang paling digemari dan menghasilkan prestasi yang paling optima.
2. Dari dapatan kajian, tindakan susulan perlu dirancang untuk membantu pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran kurang efektif serta boleh memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Jika guru hanya menggunakan satu kaedah pendekatan pengajaran sahaja, mungkin pelajar akan berasa tertekan dan kesannya pencapaian akademik terjejas. Bagi mengelakkan keadaan seumpama ini berlaku, sejak di peringkat awal lagi guru sewajarnya merangka usaha susulan supaya setiap pelajar mendapat peluang meneroka potensi masing-masing sebaik yang mungkin.

- 3 Membantu para pendidik mengenalpasti dan memahami gaya pembelajaran pelajar supaya perancangan pengajaran yang rapi dapat dibuat dengan mengambilkira kepelbagaian gaya pembelajaran individu di dalam bilik darjahnya. Jika pengajaran guru menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar, mereka akan lebih terangsang dan bertanggungjawab ke atas tindakan serta keputusan yang mereka ambil. Pelajar akan berasa diberi kepercayaan untuk menjalankan aktiviti yang mereka gemari dan melakukannya sebaik mungkin. Kesan dari pendekatan ini pelajar akan membina keyakinan diri dan lebih positif.
- 4 Dapat membangkitkan kesedaran di kalangan para pendidik tentang peranan dan tanggungjawab mereka memahami gaya pembelajaran sebagai salah satu cara untuk mewujudkan hubungan positif di antara pelajar dengan guru. Ini akan dapat mengelakan 'pertikaian' di antara pelajar dengan guru supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Jika guru diberi pendedahan tentang adanya perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar, sudah pasti 'pertikaian' ini akan dapat di atasi dan seterusnya hubungan yang harmoni dapat diwujudkan.
- 5 Guru boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai asas kepada penyelidikan seterusnya. Aspek gaya pembelajaran masih kurang diberi perhatian walau banyak dapatan kajian yang menunjukkan bahawa gaya pembelajaran memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Diharapkan kajian ini akan membuka lembaran baru dalam kajian psikologi tingkah laku dan seterusnya dikembangkan secara menyeluruh supaya dapat dimanfaatkan oleh pelajar, pekerja dan ahli keluarga.
- 6 Guru dapat mengenalpasti sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara personaliti pelajar serta memahami jenis gaya pembelajarannya.

Teori kognitif digunakan secara meluas untuk menghuraikan proses pembelajaran. Ia akan lebih mantap lagi dengan penambahan aspek gaya pembelajaran bagi melengkapkan lagi pemahaman tentang tingkahlaku manusia secara menyeluruh.

#### DESKRIPSI BAB-BAB SELANJUTNYA

Bab Dua akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang relevan dengan kajian penyelidikan. Ia meliputi perbincangan dapatan-dapatan kajian lepas dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah kajian penyelidikan.

Bab Tiga pula yang selanjutnya akan menyentuh hipotesis-hipotesis kajian secara terperinci. Rekabentuk kajian, instrumen kajian dan ciri responden daripada sampel yang dipilih akan dihuraikan. Ujian statistik juga akan dibincangkan di dalam bab ini.

Dapatan-dapatan kajian akan dibentangkan di dalam Bab Empat berdasarkan Ujian-Ujian statistik yang telah ditetapkan. Dapatan – dapatan yang dihasilkan ini akan membuktikan sama ada hipotesis-hipotesis kajian yang dibentuk akan disokong atau ditolak.

Bab yang terakhir, iaitu Bab Lima, akan membincangkan dapatan-dapatan kajian dengan lebih terperinci dengan mengaitkan kepada teori dan kajian-kajian yang lalu. Di samping itu juga, implikasi kajian untuk tujuan praktis dan untuk kajian yang akan datang serta limitasi juga akan disentuh.

## BAB DUA

### ULASAN KARYA

Dalam bab ini penyelidik membentangkan beberapa takrifan kepada konsep-konsep penting yang digunakan dalam penyelidikan ini. Seterusnya, dapatan-dapatan dari karya-karya yang lepas yang berhubungkait dengan pembolehubah-pembolehubah penyelidikan akan dibincangkan secara mendalam sebagai sokongan kepada penyelidikan yang akan dijalankan.

### DEFINISI KONSEP

Pembelajaran adalah satu proses menghasilkan perubahan tingkah laku seseorang individu iaitu sebagai suatu reaksi terhadap satu-satu keadaan yang dihadapinya (Ee Ah Meng 1997 m.s 7). Pembelajaran juga dikatakan sebagai satu proses individu mendapatkan informasi-informasi tingkah laku atau kebolehan yang baru. Ini menunjukkan bahawa apabila seseorang itu didedahkan kepada persekitaran dan perkara baru di dalam hidupnya ia akan mencernakan pengetahuan dan pengalaman barunya untuk disesuaikan dengan kehendak dan keperluan pembelajarannya. Justeru gaya pembelajaran perlu difahami kerana setiap individu memproses maklumat yang diperolehi dengan cara yang berbeza. Dari konteks psikologi, pembelajaran ditakrifkan sebagai perubahan tingkahlaku individu yang dihasilkan oleh pengalaman dan alam sekitarnya (Carlson, 1987). Setiap orang belajar dengan keadaan yang berlainan kerana dipengaruhi oleh berbagai faktor seperti kecerdasan kognitif, emosi, budaya, jantina dan lain-lain. Oleh yang demikian dapat diperhatikan seseorang individu itu mempunyai kecenderungan untuk mempunyai satu jenis gaya pembelajaran

yang tertentu berdasarkan kepada perbezaan-perbezaan ini. Menurut Keefe (1979) gaya pembelajaran adalah kecenderungan atau kebiasaan seseorang membentuk sistem pemerosesan maklumat secara instrinsik membuat tanggapan, memikir, mengingat dan menyelesaikan masalah. Ada pula pendapat yang mengatakan gaya pembelajaran sebagai cara kanak-kanak atau orang dewasa berfikir dan belajar yang berbeza antara satu dengan yang lain. Mereka membina serta membentuk kecenderungan dan struktur tingkah laku yang konsisten ( Litzinger & Osif, 1993)

Pendidikan perlulah menekankan intuisi, perasaan dan imaginasi bagi menambah kemahiran menganalisa sebab musabab dan penyelesaian masalah secara urutan. Guru harus merangka kaedah katihan untuk memenuhi keperluan gaya pembelajaran pelajar dengan menggunakan kombinasi pengalaman, refleksi, pemikiran konseptual dan amalan.

#### ULASAN KARYA

Mayer (1992) mencadangkan bahawa proses pembelajaran telah mengalami evolusi iaitu pada aras pemahaman kepada pembelajaran sebagai tindakbalas untuk belajar mencapai pengetahuan. Istilah gaya pembelajaran digunakan dalam ulasan karya dalam dua pendekatan iaitu ;

- (1) Ia digunakan untuk menunjukkan huraian yang meluas tentang hubungan tingkah laku yang konsisten berkaitan dengan cara mengendalikan proses pembelajaran. Ia dianggap sebagai perbezaan individu secara umum dibandingkan dengan kecerdasan dan personaliti tetap yang menerangkan ketekalan manusia menangani tugas-tugas pembelajaran.
- (2) Menggambarkan hubungan kepada tugas pembelajaran yang pada amnya terdapat dalam konteks pendidikan sebagai menyangkal

kebenaran keputusan ujian-ujian psikologi. Penggunaan kedua-dua istilah menunjukkan bahawa gaya pembelajaran berhubungkait dengan proses kognitif dan personaliti.

Menurut Schmeck (1988), jika seseorang itu cenderung untuk menggunakan strategi yang hampir sama secara konsisten di antara tugas yang berbeza dan latar belakang yang berlainan, ia boleh diambilkira untuk menunjukkan kewujudan pembentukan gaya pembelajaran tertentu. Menurut Dun dan Dunn (1978) pula, gaya pembelajaran merujuk kepada cara bagaimana elemen-elemen dari lima rangsangan asas yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk memahami dan berinteraksi serta bertindak balas kepada persekitaran pembelajaran.

Ahli-ahli psikologi mazhab kognitif seperti Kurt Koffka, Wolfgang Kohler dan Max Wertheimer berpendapat bahawa melalui proses pembelajaran, seseorang itu membentuk struktur kognitif dalam ingatannya . Setiap kali individu belajar, ia akan menyusun segala pengalaman dan menyimpannya dalam ingatan (Beihler 1978). Manusia mempunyai keupayaan mental untuk mengelola, menyusun, menyimpan dan mengeluarkan semula segala pengalaman untuk membolehkannya memerhatikan pertalian antara pengalaman tersimpan dengan masalah yang dihadapi. Proses intelektual pula menukar pengalaman ke dalam bentuk yang membolehkan seseorang itu mengendalikan sesuatu situasi baru (Piaget 1970). Proses intelektual memerlukan keseimbangan untuk membentuk peraturan sendiri yang akan merangsang pelajar membuat pertalian hubungan dan keseimbangan kepada pemikiran konseptualnya. Ini menjadikan ketidakseimbangan dalam pengalaman dapat difahami. Berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas teori

Piaget (1977), keseimbangan merupakan suatu bentuk peraturan sendiri yang menjurus kepada keinginan untuk membawa arahan dan keseimbangan ke dalam persepsi dan mengurangkan ketidakseimbangan. Piaget merumuskan teorinya kepada enam jenis pembelajaran iaitu;

- i) Organisasi - kecenderungan untuk menggabungkan pengalaman - pengalaman ke dalam sistem yang mudah difahami.
- ii) Adaptasi - kecenderungan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran.
- iii) Asimilasi - kecenderungan untuk menggabungkan pengalaman baru ke dalam kelompok yang sedia ada dan membentuk kelompok pengalaman yang baru.
- iv) Akomodasi - kecenderungan untuk menyemak rancangan untuk memasukkan pengalaman baru.
- v) Operasi - mendalami tindakan yang membolehkan berlakunya pembalikan maklumat.
- vi) Pemeliharaan - kesedaran bahawa kelompok atau bahan tidak berubah walaupun rupa berubah.
- vii) Desentrasi (kesopanan) - keupayaan untuk menjauhi pemusatan perhatian berdasarkan hanya satu kualiti.

Berdasarkan peringkat-peringkat analisis teori kognitif Piaget, bahan kurikulum sukar dibentuk mengikut aras keupayaan pelajar yang berbeza. Beliau merumuskan bahawa pelajar harus dibenarkan mengatur dan menyesuaikan pengalaman dengan cara mereka sendiri sebagai satu andaian terhadap asas pergerakan pendidikan terbuka.

Latar belakang masyarakat negara ini yang berbilang kaum merupakan ciri penting yang perlu diberi perhatian serius dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan mengambilkira gaya pembelajaran mereka. Pengalaman pelajar yang datang dari berbagai latar belakang budaya, sedikit sebanyak sudah pasti akan mempengaruhi gaya pembelajaran mereka. Ia juga boleh dijadikan panduan untuk membentuk pengalaman pembelajaran yang sesuai atau tidak sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar.

Terdapat kajian yang menunjukkan dengan mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar dan kemudian menyediakan arahan yang konsisten akan menyumbangkan kepada pembelajaran yang lebih efektif. Dalam konteks kaunseling, maklumat tentang gaya pembelajaran ini juga boleh digunakan untuk memilih pendekatan yang terbaik membantu pelajar memahami kelebihan dan kecenderungan mereka dalam pembelajaran.

Berbagai model digunakan untuk mengukur gaya pembelajaran. Julie Sharp, sebagaimana yang dihuraikan oleh Dwyer (1996) telah menggunakan 'Kolb Learning Style Inventory' untuk mengetahui gaya pembelajaran pelajar-pelajar kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Vanderbuilt. Pelajar-pelajar diberi bahan edaran yang menghuraikan cara-cara berkomunikasi dengan berkesan berdasarkan empat jenis gaya pembelajaran iaitu ekstravert, sensori, ahli fikir dan penilai. Pelajar kemudiannya menyediakan persembahan mengikut rekabentuk yang disesuaikan dengan semua jenis pembelajaran. Dalam latihan makmal, pelajar diminta mencatat jurnal yang menggambarkan konflik dan pencapaian kumpulan dan dikaitkan dengan gaya pembelajaran kumpulan. Sharp mendapati bahawa mengajar pelajar mengenali gaya

pembelajaran mereka telah membantu mereka meningkatkan prestasi dalam

pembelajaran. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang cenderung

kepada ciri-ciri dimensi pemikir dan penilai menunjukkan pencapaian

akademik yang tinggi.

Pada awal 1990an, Edward Lumsdaire dan Jennifer Voitle dari Kolej

Kejuruteraan Universiti Toledo pula menggunakan Model 'Herrmann Brain Dominance Instrument' kepada pelajar dan kakitangan fakulti berkenaan.

Mereka mendapati majoriti pelajar dan kakitangan fakulti menunjukkan

kecenderungan yang dominan menggunakan hemisfera otak kiri yang menggunakan pemikiran analitik, logik, verbal dan sekuential (Dwyer 1996),

Berdasarkan kajian Edward Lumsdaire dan Jennifer Voitle (1993), faktor yang dominan untuk mereka menilai pengkhususan lain ialah budaya pembelajaran di bidang kejuruteraan yang kurang menyenangkan dan tidak memenuhi

keperluan cara mereka berfikir walaupun banyak cadangan yang meminta para jurutera mempunyai kemahiran berfikir yang tepat. Kajian yang hampir sama dijalankan oleh Edward dan Monika Lumsdaire (1990) menyatakan

pembelajaran mereka telah membantu mereka meningkatkan prestasi dalam pembelajaran. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang cenderung kepada ciri-ciri dimensi pemikir dan penilai menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi.

Pada awal 1990an, Edward Lumsdaire dan Jennifer Voitle dari Kolej Kejuruteraan Universiti Toledo pula menggunakan Model 'Herrmann Brain Dominance Instrument' kepada pelajar dan kakitangan fakulti berkenaan. Mereka mendapati majoriti pelajar dan kakitangan fakulti menunjukkan kecenderungan yang dominan menggunakan hemisfera otak kiri yang menggunakan pemikiran analitik, logik, verbal dan sekutorial (Dwyer 1996). Berdasarkan kajian Edward Lumsdaire dan Jennifer Voitle (1993), faktor yang dominan untuk mereka menilai pengkhususan lain ialah budaya pembelajaran di bidang kejuruteraan yang kurang menyenangkan dan tidak memenuhi keperluan cara mereka berfikir walaupun banyak cadangan yang meminta para jurutera mempunyai kemahiran berfikir yang tepat. Kajian yang hampir sama dijalankan oleh Edward dan Monika Lumsdaire (1990) menyatakan bahawa 'Herrmann Brain Dominance Instrument' boleh menyumbang kepada beberapa fungsi yang penting dalam pembelajaran. Ini termasuk membantu pelajar mengetahui gaya pembelajaran mereka sendiri. Para pendidik pula boleh merumus dan merancang strategi pembelajaran yang lebih baik sesuai dengan keperluan gaya pembelajaran pelajar. Para jurulatih pula akan lebih memahami kehendak, permasalahan, tindakbalas dan cara jawapan pelajar berdasarkan kepada cara mereka berfikir. Matlamat proses ini ialah untuk membantu jurulatih dan pelajar membentuk pemikiran yang menyeluruh (whole-brain) bagi menyelesaikan masalah dengan cara yang terbaik dan

menilai pengaruh perubahan kurikulum terhadap kemahiran berfikir pelajar secara individu atau kumpulan.

Professor Peter Rosati dari Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Western Ontario telah menggunakan Model Felder-Silvermann iaitu 'Index of Learning Styles (ILS) untuk mengetahui gaya pembelajaran pelajar-pelajar tahun 1 dan 4 serta kakitangan fakultinya. Professor Rossati mendapati kakitangan fakultinya lebih reflektif, intuitif dan sekuenial jika dibandingkan dengan pelajar. Dapatan ini memberi gambaran bahawa mutu pengajaran di Fakulti Kejuruteraan boleh ditingkatkan dengan menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan jenis - jenis gaya pembelajaran pelajar supaya mereka lebih berminat untuk melibatkan diri dalam pembelajaran. Goodwin (1996) menyatakan jika pengajaran guru sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar, besar kemungkinan pelajar akan menunjukkan pencapaian akademik. Peningkatan akademik akan menambahkan jumlah pelajar yang lulus. Kajian Purkiss (1994), menekankan wujudnya hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik secara keseluruhan, Walau bagaimanapun keputusan kajian hanya menyatakan keputusan secara umum sahaja.

Menurut Dwyer (1996), Susan Montgomery, pembantu Professor Kejuruteraan Kimia di Universiti Michigan, pula telah membina modul pengajaran multimedia berdasarkan Model Felder-Silvermann. Beliau telah menilai gaya pembelajaran pelajar-pelajarnya dengan menggunakan 'Index of Learning Style' dan membuat tinjauan untuk memastikan samada wujud perbezaan sikap terhadap bentuk modul pengajaran yang berbeza. Susan mendapati pelajar visual dan 'sensing' memilih pendekatan demonstrasi sebagai pilihan yang utama. Tamao-Katsuo (1987) telah menjalankan kajian tentang gaya

pembelajaran di kalangan pendudukan Asli Kanada iaitu Cree, Dene dan Metis. Dapatan kajian beliau menunjukkan pelajar Dene cenderung kepada situasi pembelajaran yang bersaing, melibatkan penulisan dan kurang gemar untuk menonton wayang, slide dan graf. Pelajar kaum Dene juga kurang gemar kepada pembelajaran melalui pengalaman secara langsung jika dibandingkan dengan pelajar dari kaum Cree. Di Universiti North Carolina State pula, Model Felder-Silvermann digunakan untuk merangka pengajaran dalam bidang Kejuruteraan Kimia selama lima tahun berterusan. Bahan kursus disampaikan secara induktif dan menggunakan model Matematik. Penggunaan model yang realistik dalam bidang kejuruteraan untuk menghuraikan prinsip asas dan sesekali menyediakan peluang kajian di makmal serta lawatan ke kilang. Pengalaman pembelajaran secara aktif ditekankan di kelas dan ini mengurangkan masa untuk kuliah. Tugas yang diberikan pula menggunakan asas formula asas dan kemudian diikuti dengan persoalan masalah serta perbincangan secara terbuka dan latihan merumus masalah. Pembelajaran koperatif amat diberi penekanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dengan menggunakan spektrum gaya pembelajaran telah meningkatkan keyakinan, kepuasan dan prestasi pelajar.

Para pendidik berusaha untuk membangunkan strategi pengajaran dan penilaian yang dapat memenuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan yang semakin ketara menunjukkan wujudnya trait berkaitan dengan jantina dalam hubungan dinamik bilik darjah (Mac Clintis Scott-D, Nelson, Genieve, M. 1996). Kajian ini bertujuan untuk membawa perhatian guru bahawa dalam aktiviti penyelesaian masalah, kerjasama kumpulan amat diperlukan. Pada masa ini banyak perbincangan tentang kesan jantina dan gaya pembelajaran ke atas prestasi pelajar. Ia juga

membincangkan bagaimana jantina dan dinamik kumpulan memberi kesan kepada penyelesaian masalah aktiviti tersebut supaya perkongsian idea dan kaedah dapat membina strategi pembelajaran yang produktif. Tyson (1996) mendapati pelajar perempuan tidak menunjukkan tahap kognitif yang tinggi dan pencapaian prestasi matapelajaran Matematik sebaik pelajar lelaki tetapi perbezaan tidak memberi gambaran yang signifikan dalam keputusan kajian. Harless (1996) pula mengatakan terdapat hubungan antara jantina dengan gaya pembelajaran dan perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar perempuan dengan pelajar lelaki tidak begitu ketara. Solomon dan Kerndall (1979), mengutarakan isu jantina kerana didapati pelajar perempuan lebih kerap memilih untuk berkembang maju dalam aktiviti yang sangat berstruktur manakala pelajar lelaki cenderung kepada struktur yang lebih rendah. Moir dan Jessel (1989) berpendapat, pelajar perempuan lebih mudah dipengaruhi dengan pemikiran yang tidak adil terhadap situasi peribadi dan kolektif. Mereka harus digalakkan untuk menyiasat struktur dan berfungsi dalam kumpulan. Guru harus memastikan teknik kawalan tingkahlaku yang berbeza diantara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Berbagai kajian telah dijalankan untuk membandingkan pelajar dari pelbagai etnik bagi membantu guru memahami gaya pembelajaran pelajar berkenaan. Maklumat gaya pembelajaran akan memberi gambaran alternatif tentang pelajar pelbagai bangsa dan budaya. Masalah utama yang dihadapi oleh guru ialah tidak mempunyai pengetahuan untuk mengenal, mentafsir dan bertindakbalas kepada pelbagai gaya pembelajaran pelajar berbagai bangsa. Ketidakupayaan guru untuk bekerjasama dengan pelajar yang mempunyai berbagai gaya pembelajaran akan membentuk halangan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Teori perbezaan budaya amat bertentangan dengan andaian budaya yang dikemukakan oleh sistem pendidikan

Eurosentrik di Amerika (Anderson, 1988). Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Afrika Amerika berada dalam kedudukan pembelajaran yang merugikan. Griggs-Shirley, Dunn-Rita (1996) mendapati nilai budaya sesuatu bangsa mungkin boleh memberi kesan kepada proses pembelajaran. Latarbelakang budaya sesuatu bangsa itu memberi kesan kepada kecenderungan memilih sesuatu gaya pembelajaran kerana persekitaran mempengaruhi tanggapan cara seseorang berfikir (Tamao- Katsuo, 1987). Para penyelidik meneliti gaya pembelajaran pelajar bangsa Hispanic Amerika dan membincangkan implikasi kajian ini untuk kaunseling dan pengajaran pelajar Hispanic. Nilai unggul di kalangan bangsa Hispanic ialah komitmen kepada keluarga yang melibatkan ketaatsetiaan, pembentukan sistem sokongan yang kuat, kepercayaan yang tingkah laku anak menggambarkan maruah keluarga, menghormati hirarki keluarga dan memberi penghargaan yang tinggi terhadap arahan. Kesemua ciri yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Hispanic adalah bertentangan dengan sistem pendidikan di Amerika. Keadaan ini menimbulkan ketidaksesuaian di antara aliran pendidikan di Amerika yang menekankan individualisme dengan latar belakang pelajar yang mempunyai nilai yang berbeza dan seterusnya telah menimbulkan konflik di kalangan pelajar Hispanic Amerika (Vasque, 1990). Oleh itu guru perlu memahami sistem nilai dan budaya pelajar untuk memahami gaya pembelajaran mereka. Melalui persefahaman ini aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan dan bermakna.

Teori-teori kognitif banyak menggariskan perkembangan tahap pembelajaran manusia berdasarkan kepada umur. Walaupun ia bukan merupakan penentu yang muktamad namun secara umum umur banyak dikaitkan dengan kematangan dan kecenderungan seseorang itu memilih atau mengikuti

sesuatu gaya pembelajaran yang tertentu. Pelajar lelaki yang muda lebih menggemari dimensi pembelajaran melalui simulasi dan permainan pengajaran manakala pelajar yang lebih dewasa suka kepada cara kuliah, arahan berstruktur, latih tubi dan hafalan. Honey dan Mumford (1986) menyatakan, banyak kajian telah dijalankan berhubung dengan gaya pembelajaran yang berdasarkan teori-teori pembelajaran dan budaya. Casey Sandra Lee (1993) dalam kajiannya ke atas 149 orang pelajar dengan menggunakan Indikator Jenis Myers-Briggs mendapati umur mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pada aras .01. Gurley (1984) pula mengatakan bagaimana seseorang itu belajar dan membentuk ciri gaya pembelajarannya bukan dipengaruhi oleh umur tetapi adalah disebabkan kecenderungan individu berkenaan. Namun kajian yang meluas tentang gaya pembelajaran yang dikaitkan dengan umur masih belum dilakukan. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini diharap akan dapat memberi sedikit gambaran sama ada umur memberi kesan kepada gaya pembelajaran seseorang. Belum dapat dibuktikan jika seseorang itu telah menunjukkan kecenderungan memilih sesuatu gaya pembelajaran semasa kanak-kanak, ia akan berterusan dengan gaya pembelajaran yang sama apabila dewasa kelak.

Atkinson (1990) menyatakan tanggapan ialah satu fenomena perkaitan antara rangsangan dan pengalaman. Ini menunjukkan gaya pembelajaran seseorang itu boleh memberi kesan terhadap tanggapan ke atas sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Justeru tanggapan akan mempengaruhi tindakan seseorang bagi membezakan rangsangan yang dianggap penting dan relevan daripada yang kurang relevan kepada dirinya.

Dalam usaha meneroka dan menghuraikan dengan lebih mendalam kedudukan gaya pembelajaran dan perbezaan individu, kajian perlu mengambilkira pendekatan kognitif dan personaliti. (Schmeck dan Geisler – Brentein 1989) menyatakan bahawa terdapat perkaitan di antara personaliti pelajar dengan cara yang boleh dijangka untuk membentuk dimensi gaya pembelajaran. Ini menunjukkan kajian personaliti berguna untuk memahami perbezaan individu dalam pembelajaran yang tidak hanya membincangkan perbezaan individu secara statistik malahan kemungkinan-kemungkinan berlakunya perubahan dalam pembelajaran. Menurut Dwyer (1996), kajian Herbster-Douglas et,al yang menggunakan 'Myers-Briggs Type Indicator' yang berdasarkan kepada empat aspek personaliti manusia dan bagaimana mereka berinteraksi dengan persekitarannya. Kajian yang dijalankan ke atas 71 orang pelajar Kolej Sains dan 119 orang mahasiswa perguruan tahun empat mendapati profil personaliti penilaian Myers-Briggs menunjukkan personaliti introvert, sensitif, pemikir dan menilai telah mempengaruhi gaya pembelajaran mereka.

Mengetahui bagaimana manusia belajar dan mengapa mereka belajar dengan gaya yang tertentu membuka lebih banyak misteri dalam perkembangan pembelajaran. Pemeringkatan kognitif pelajar mungkin tidak berhubung dengan umur dan pencapaian mereka. Piaget (1970), mendapati individu di berbagai peringkat pembelajaran kognitif dalam beberapa bidang matapelajaran. Ini telah menyebabkan wujudnya kontradiksi dalam aras pencapaian jika dibandingkan dengan aras pencapaian yang ditetapkan oleh kurikulum. Kebanyakan guru tidak bersedia untuk mengubah tumpuan daripada penyampaian isi kandungan kurikulum secara eksplisit kepada pembelajaran pemikiran abstrak dan agak keberatan untuk mengurangkan

pergantungan kepada isi kandungan kurikulum yang telah sedia dirancang walaupun ia memberi implikasi yang berbeza kepada proses pembelajaran. Giles, T. W. (1995) menyarankan, guru boleh memastikan gaya pembelajaran pelajar dengan menggunakan inventori gaya pembelajaran yang menghuraikan secara terperinci tentang tingkah laku individu dari segi kognitif, afektif dan psikologi. Jika para pendidik mengetahui dan memahami cara bagaimana pelajar belajar, ia akan membolehkan guru membuat pilihan kaedah, strategi dan bahan pengajaran yang sesuai mengikut keperluan pelajar-pelajarnya. Selain daripada menyampaikan isi kandungan pelajaran, guru juga dapat menggalakkan perkembangan kognitif dan afektif pelajar dengan lebih berkesan. Kajian tentang strategi dan gaya pembelajaran membuktikan bahawa pendekatan pelajar berbeza antara satu sama dan setiap ciri dibezakan oleh bentuk motivasi dan setiap satu menjurus kepada hasil pembelajaran yang berbeza. Kebanyakan kajian berbentuk deskriptif dan kurang korelasi kerangka teori gaya pembelajaran yang bersepadu. Peter Honey dan Alan Mumford (1986) telah menyenaraikan empat jenis pelajar iaitu aktivis, reflektor, teoritis dan pragmatis. Aktivis adalah golongan yang bergerak cergas, kurang sabar, berfikiran terbuka dan fleksibel. Mereka ini tidak akan keberatan bila diminta melakukan sesuatu yang baru atau diluar rutin biasa. Reflektor pula lebih waspada, berhati-hati dan mengikut peraturan. Mereka adalah pendengar yang baik dan jarang tergesa-gesa membuat keputusan. Teoris cenderung bertindak rasional, logikal dan gemar bekerja dengan model yang boleh memberi tafsiran kepada pengalaman mereka. Pragmatis pula adalah perancang, praktikal dan merendah diri. Geiseler – Brenstein (1988) telah merumuskan beberapa dapatan dari kajian ke atas jenis psikologikal dan gaya pembelajaran termasuk motivasi, gaya kognitif dan komponen afektif dengan mengambilkira perbezaan kebolehan dan

keseluruhan aras pembangunan kognitif dan individu. Kajian yang dicadangkan akan membolehkan perbincangan persamaan dan pandangan perkaedahan dalam lingkungan konsep umum dan beberapa soalan kajian untuk kajian empirikal bagi membina keesahan dan aplikasi model yang dicadangkan. Menurut Kolb (1984) terdapat empat jenis gaya pembelajaran iaitu; akomodator, konverger, diverger dan asimilator. Teori Kolb (1984) menunjukkan bahawa gaya pembelajaran boleh dilihat sebagai kesinambungan antara:

- i. Pengalaman konkrit : terlibat di dalam pengalaman baru.
- ii. Pemerhati reflektif : memerhati orang lain atau memerhati pengalaman sendiri.
- iii. Konseptual abstrak : membina teori untuk menerangkan perkara yang diperhatikan.
- iv. Membuat eksperimen secara aktif : menggunakan teori untuk menyelesaikan masalah atau membuat keputusan.

Hartman (1995) menggunakan Teori gaya pembelajaran Kolb dan memberi beberapa contoh bagaimana guru boleh merancang pengajaran pelajar berdasarkan gaya pembelajaran mereka:

- i. Pelajar pengalaman konkrit – libatkan di dalam penyelidikan makmal, tugas yang berbentuk kajian dan pemerhatian.
- ii. Pelajar pemerhati reflektif - menggunakan buku log, jurnal atau sumbangsaran.
- iii. Pelajar konseptual abstrak – mendengar kuliah dan menyediakan kertaskerja.
- iv. Pelajar eksperimen- memerlukan simulasi, kajian kes dan tugas.


Winters (1995) dan Wang (1996) pula meringkaskan teori “Gardner’s Multiple Intelligences” sebagai cara menyesuaikan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan gaya pembelajaran pelajar. Cadangan yang dikemukakan adalah melalui permainan bahasa (linguistik), aktiviti soal jawab (logikal), menggunakan gambar dan grafik (visual), menggunakan muzik (muzikal), menggalakkan pergerakan (kinestetik), permainan sosial (interpesonal) dan bersendirian (intrapersonal).

Model gaya pembelajaran Grasha-Reichmann telah menyenaraikan enam jenis gaya pembelajaran Apabila seseorang individu memilih salah satu gaya pembelajaran dan menggunakannya secara berulang-ulang ia akan membentuk kelaziman. Kecenderungan yang dominan dinamakan sebagai gaya pembelajaran. Walau bagaimanapun, individu tersebut akan juga memilih untuk menggunakan beberapa jenis gaya pembelajaran lain Yang dipilih oleh individu berkenaan mengikut kesesuaian atau keperluan. Enam jenis gaya pembelajaran Model Grasha-Reichmann dihuraikan sebagai:

- i. Bebas – suka berfikir untuk diri sendiri, bekerja sendiri tetapi mahu mendengar dan menerima idea orang lain, berkeyakinan tinggi dan mempelajari perkara yang dianggap penting sahaja.
- ii. Mengelak – tidak menunjukkan minat dengan bahan pembelajaran dan tidak mengambil bahagian di dalam kelas.
- iii. Bergantung – kurang daya kecerdasan yang tinggi, mempelajari apa yang dikehendaki sahaja, sentiasa memerlukan sokongan, memerlukan arahan dan garis panduan yang terperinci dari pihak yang mempunyai kuasa.

- iv. Bekerjasama – suka berkongsi idea, suka berada dalam kumpulan, peramah dan gemar membantu orang lain.
- v. Bersaing – bercita-cita tinggi, sentiasa bertenaga, kemahuan untuk menjadi yang terbaik dan sentiasa mahu menang.
- vi. Melibatkan diri – gemar menghadiri kelas, mematuhi arahan, memberi tumpuan kepada pengajaran guru dan menyukai aktiviti berkumpulan.

Jadual 1 Model Gaya Pembelajaran



Model gaya pembelajaran di atas menghuraikan bagaimana isi kandungan pelajaran harus dirancang dan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan gaya pembelajaran individu yang berbagai. Terdapat enam jenis gaya pembelajaran yang dicadangkan dan setiap satunya akan dikaji sama ada ia dipengaruhi

oleh faktor-faktor demografi pelajar dan kesan yang diperolehi daripada pemilihan gaya pembelajaran tersebut.

Sistem pendidikan tinggi terlalu mengutamakan kaedah secara analitik dan latihan kognitif (Collier, 1988). Banyak konsep gaya pembelajaran yang kukuh seperti operasi holistik yang menggambarkan penekanan kognitif (Entwistle, 1981). Walaubagaimana pun terdapat banyak lagi tentang pembelajaran sebagai proses dan matlamat lebih daripada pembangunan kesedaran pelajar. Sekurang-kurangnya para pendidik perlu mengambilkira kesan emosi dan gaya pembelajaran ke atas pembangunan kognitif. Kajian yang lebih mendalam amat perlu untuk memberi keyakinan dan perhatian yang seimbang kepada afektif dan kognitif dalam merumuskan matlamat pembangunan pendidikan. Sekiranya pandangan ini diterima, gagasan pendapat yang memberi penekanan kepada gaya pembelajaran untuk menggambarkan matlamat yang lebih meluas. Walaupun idea gaya pembelajaran berdasarkan personaliti bukanlah sesuatu yang baru, namun ia perlu diperkembangkan semula supaya garis panduan model personaliti yang baru dapat menyediakan asas konseptual yang lebih mantap untuk memahami perbezaan individu dalam pembelajaran.

Menurut Gagne (1970), pembelajaran bergerak dari yang paling mudah kepada yang rumit. Sebelum menyelesaikan masalah, pelajar seharusnya telah memperolehi pembelajaran isyarat, rangsangan gerak balas, rangkaian pertalian berbahasa, diskriminasi, konsep dan pembelajaran hukum. Hirarki pembelajaran Gagne menuntut agar guru peka terhadap keperluan dan aras pencapaian pelajarannya. Bruner (1966) berpendapat semua individu melalui perkembangan kognitif mengikut peringkat-peringkat yang tertentu. Ia

menekankan cara-cara manusia berinteraksi dalam keadaan persekitarannya dan menggambarkan pengalaman secara dalaman. Pendapat beliau agak berbeza daripada pendapat Piaget (1970) yang mengatakan tahap sesetengah persekitaran boleh jadi lambat atau menghentikan susunan pembangunan kognitif. Ausubel (1970) menekankan penguasaan maklumat melalui bahasa yang bermakna. Segala maklumat yang dipelajari melalui cara yang memberi makna dapat diasimilasikan ke dalam struktur kognitif yang sedia ada pada pelajar-pelajar. Maklumat yang dipelajari secara bermakna dapat diingat dengan lebih lama. Oleh yang demikian guru perlu berusaha membantu pelajar memahami konsep, perkaitan antara isi pelajaran serta pertalian antara pengalaman baru dengan pengalaman lama.

Ceci, N. (1990) menekankan kepentingan perbezaan individu dalam struktur pengetahuan. Dalam tahun 1960an dan 1970an kajian tentang kognisi menekankan peranan strategi yang umumnya digunakan seperti pengulangan dan organisasi dan sedikit perhatian kepada peranan domain pengetahuan yang spesifik (Seigler, 1991). Kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan 'domain specific' dikatakan boleh menunjukkan prestasi yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan orang dewasa yang mempunyai sedikit pengetahuan. Schneider et.al (1991) menyatakan bahawa kecenderungan yang rendah boleh diganti oleh kemahiran 'domain specific'. Seigler (1991) mendapati perbezaan individu dalam permulaan pengetahuan dan gaya kognitif mempengaruhi pilihan strategi dan perolehan pengetahuan selanjutnya. Berbeza dengan pandangan tradisional tentang pembangunan kognitif yang menyumbang dalam pembangunan operasi yang berkesan dalam penambahan pengetahuan, Penerangan secara terperinci menjelaskan lagi struktur pengetahuan secara mikro yang akan digunakan untuk digunakan diperingkat

tingkahlaku secara makro seperti berfikir dan menaakul. Ahli-ahli psikologi telah menemui banyak berkata tentang tingkah laku manusia dan mereka telah membentuk prinsip dan teori untuk merumus dan menjelaskan pendapat mereka. Schmeck dan Geisler-Brenstein (1989) mendedahkan bahawa ulasan karya yang menyeluruh dan terperinci tentang gaya pembelajaran kerap diberi label dan tafsiran yang mengelirukan. Huraian berikut merupakan satu langkah awal untuk menjelaskan sesuatu yang bertentangan dengan pendapat umum dengan menyarankan penentuan rangka kerja dari berbagai dimensi. Kajian ke atas tindakbalas pelajar yang menunjukkan kecenderungan kepada satu jenis gaya pembelajaran yang ketara untuk menyediakan bukti ke atas pencapaian akademik pelajar berkenaan. Perbezaan dalam pendekatan pembelajaran dan hasilnya telah diperhatikan secara luaran dan mendalam. Tambahan pula gabungan yang sebenar dan pemahaman fungsi gaya pembelajaran memerlukan kebolehan untuk menggunakan maklumat yang cekap dalam pelbagai lapangan. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran bebas - agresif sebagai pelajar yang bertenaga, berterus terang dan menentang. Manakala golongan pelajar yang menunjukkan kecenderungan mempunyai gaya pembelajaran bebas-pasif sebagai kurang bertenaga tetapi degil dan kuat semangat ( Seigler, 1991).

## KESIMPULAN

Maklumat tentang gaya pembelajaran dapat membantu semua pihak yang terlibat dengan pendidikan lebih peka kepada perbezaan – perbezaan yang dibawa oleh pelajar ke dalam bilik darjah. Justeru sistem pendidikan masa kini yang semakin kompleks menuntut satu perubahan yang drastik di dalam dunia pendidikan. Perubahan struktur pendidikan khususnya perubahan kurikulum perlu diberi perhatian serius bagi membolehkan semua pihak yang terlibat di

dalam dunia pendidikan sedia berhadapan dengan era globalisasi. Amalan pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi memerlukan perubahan serta kemajuan. dalam kaedah pengajaran.

Hasil kajian ini diharapkan akan menyediakan bukti wujudnya kesinambungan dan keadaan psikodinamik intelek dan pembangunan emosi serta kewujudan hirarki sebab musabab dalam pembentukan kognitif pelajar. Merangkumkan model perbezaan individu penting kerana perbezaan pembolehubah individu akan meningkatkan ketepatan dapatan umum dengan mengambilkira beberapa perbezaan masalah berdasarkan agregat keputusan. Model yang terperinci tentang bagaimana interaksi perbezaan individu dan gaya pembelajaran, aras keupayaan dan metakognitif serta motivasi akan memberi kesan kepada prestasi jangkaan. Selain daripada itu keperihatinan terhadap ketepatan ukuran dan jangkaan mengenai perbezaan individu dan memahami peranan mereka dalam pencapaian adalah elemen penting dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna yang mencabar dan adil.

Bagi melahirkan masyarakat yang bukan sahaja mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, mudah lentur dan bersahsiah mulia, kandungan kurikulum pendidikan negara perlu mengambilkira kesesuaian kaedah pengajaran dengan tidak mengeneipkan kepentingan memahami perbezaan gaya pembelajaran pelajar. Berbagai teori psikologi digunakan oleh para pendidik untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Di samping itu guru juga sentiasa mencari berbagai pendekatan yang boleh membantu pelajar mendapat pelbagai kemahiran seperti kemahiran berfikir, berkomunikasi, menyelesaikan masalah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran. Kini pembelajaran berpusatkan pelajar dan arahan sendiri amat

digalakkan supaya setiap pelajar dan individu amnya akan berupaya berhadapan dengan pelbagai cabaran era teknologi maklumat. Selaras dengan dasar pendidikan negara yang ingin melahirkan insan yang menyeluruh setiap model gaya pembelajaran adalah berguna jika arahan yang seimbang untuk setiap model memenuhi keperluan asas semua pelajar di dalam kelas. Memahami gaya pembelajaran pelajar akan memberi kelebihan kepada guru kerana ini akan memudahkan guru menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar berkenaan di samping mengurang beban guru menyampaikan pengajaran secara berpusatkan guru. Guru boleh menyediakan situasi pembelajaran yang memberangsangkan dengan cara menggalakkan penglibatan pelajar, perbincangan dalam kumpulan, perdebatan, sumbangsaran, sesi soal jawab, membaca senyap dan lain-lain seumpamanya. Tujuan mempelbagaikan gaya pengajaran ini adalah untuk memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai berbagai gaya pembelajaran. Pelajar yang terlibat dalam pembelajaran secara langsung akan lebih aktif, inovatif, kreatif dan berpeluang menonjolkan potensi diri secara individu. Keadaan ini akan memberi manfaat kepada pelajar bukan sahaja dalam tempoh jangka pendek semasa di dalam bilik darjah tetapi juga di masa seterusnya setelah pelajar memasuki alam pekerjaan. Keseimbangan kebebasan berinteraksi wajar ditekankan supaya pelajar lebih bersikap terbuka, bertindak fleksibel dan berasa dihormati. Kesannya minat terhadap pelajaran akan meningkat dan seterusnya memberi kesan baik kepada pencapaian akademik mereka. Personaliti banyak mempengaruhi cara seseorang berfikir dan bertindakbalas. Di samping itu personaliti juga boleh mempengaruhi gaya pembelajaran.

Jika guru memahami gaya pembelajaran pelajar, guru boleh membantu pelajar mengenal kelemahan dan kekuatan diri masing-masing. Kesedaran sendiri ini boleh menggalakkan motivasi dalaman pelajar supaya mereka lebih mengenali potensi-potensi diri yang positif dan mengawal aspek-aspek negatif dalam dirinya. Jika pelajar berhadapan dengan masalah pelajaran, pelajar boleh dibimbing untuk meningkatkan gaya pembelajaran yang boleh memberi kesan positif kepada prestasi kerjanya dan menghindari gaya pembelajaran yang boleh menghalang kemajuannya.

Sebagaimana yang dimaklumi setiap individu mempunyai kecenderungan tertentu sama ada dari segi sikap, personaliti dan tanggapan. Oleh yang demikian, sesetengah gaya pembelajaran boleh dikenalpasti bersesuaian dengan personaliti tertentu. Pengalaman dan pengetahuan setiap individu juga berbeza antara satu dengan yang lain. Oleh yang demikian kaedah pengajaran juga perlu dipelbagaikan supaya ia lebih memberi kesan yang optimum. Hubungan guru-pelajar juga akan lebih terbuka kerana mereka saling menghormati cara dan gaya pembelajaran yang berbeza. Model mana yang dipilih bukanlah suatu yang penting kerana pendekatan pengajaran yang digunakan sekitar model yang dipilih adalah hampir serupa. Sama ada para pendidik merancang kursus, kurikulum, menulis buku teks, membina bahan pengajaran, membentuk kumpulan pembelajaran koperatif atau membantu pelajar membina kemahiran interpersonal, kepimpinan dan komunikasi. Mereka akan mendapat faedah daripada penggunaan salah satu model sebagai asas kepada usaha mereka.

## BAB 3

### METODOLOGI PENYELIDIKAN


Bab ini membincangkan hipotesis penyelidikan dan pernyataan hipotesis-hipotesis untuk penyelidikan ini akan dinyatakan berdasarkan kepada sokongan dapatan-dapatan karya lepas yang berkaitan. Selanjutnya rekabentuk penyelidikan merangkumi aspek-aspek sampel penyelidikan, kaedah pengumpulan data dan diikuti oleh rekabentuk soalselidik akan dibincangkan secara terperinci. Pengukuran semua pembolehubah-pembolehubah yang akan digunakan dalam penyelidikan akan didefinisikan secara operasional dan akhirnya penyelidik akan mendeskripsikan secara umum prosedur-prosedur statistik yang akan digunakan untuk menganalisis hipotesis dengan menggunakan statistik inferens.

### HIPOTESIS PENYELIDIKAN

Sering didapati cara pelajar lelaki dan perempuan bertindak dan berfikir kelihatan berbeza di antara pelajar lelaki dan perempuan (Eggen et al 1997). Solomon dan Kendall (1979) menyatakan pelajar perempuan kerap memilih untuk berkembang maju dalam aktiviti yang berstruktur manakala pelajar lelaki memilih aktiviti yang berstruktur rendah. Dwyer (1996) mendapati kemahiran berfikir dan berkomunikasi pelajar semakin meningkat setelah mengenalpasti gaya pembelajaran mereka. Pada awal tahun 1990an pula Edward Lumsdaine dan Jennifer Voitle menggunakan Herrmann Brain Dominance Instrument untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar-pelajarnya. Dapatan kajian

membuktikan pelajar-pelajar dari pelbagai gaya pembelajaran digabungkan dalam kumpulan pembelajaran dan telah menunjukkan peningkatan prestasi akademik mereka. Rosati sebagaimana yang dihuraikan oleh Dwyer (1996) mendapati pelajar yang lebih aktif dan reflektif apabila kaedah pengajaran yang digunakan dirangka mengikut kepelbagaian gaya pembelajaran mereka. Felder (1996) mendapati prestasi akademik dan keyakinan diri mereka semakin meningkat selepas kaedah pengajaran yang digunakan mengambilkira gaya pembelajaran mereka.

Jadual 2: Kerangka Konseptual Kajian:



Di dalam kerangka ini, pembolehubah bersandar yang menjadi fokus kajian ini ialah enam jenis gaya pembelajaran mengikut Model Grasha- Reichmann. Gambar rajah kerangka konseptual gaya pembelajaran dihubungkan kepada

lima pembolehubah tak bersandar yang dijangkakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Penyelidik ingin mengkaji sejauh mana setiap pembolehubah tak bersandar di atas mempengaruhi pembolehubah bersandar. Di sini penyelidik ingin menentukan samada terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor-faktor demografi dengan gaya pembelajaran. Sehubungan dengan sokongan dan dapatan karya-karya lepas di atas, pernyataan hipotesis adalah seperti berikut:

H 1 : Faktor jantina mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap enam jenis gaya pembelajaran.

H 2 : Faktor etnik mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap enam jenis gaya pembelajaran.

H 3 : Faktor umur mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap enam jenis gaya pembelajaran.

H 4 : Faktor latar belakang tempat tinggal mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap enam jenis gaya pembelajaran.

H 5 : Faktor keputusan peperiksaan mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap enam jenis gaya pembelajaran.

## HASIL YANG DIJANGKAKAN

Oleh kerana kajian ini tidak bertujuan untuk membuat generalisasi, penyelidik hanya membuat jangkaan tentang hasil yang akan diperolehi untuk dijadikan pegangan yang memberi hala tuju kepada kajian ini. Berdasarkan objektif utama kajian, jangkaan penyelidik adalah seperti berikut;

Hubungan pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar, faktor jantina, umur, etnik, latarbelakang tempat tinggal dan keputusan peperiksaan dijangka mempunyai hubungan positif dengan gaya pembelajaran. Daripada lima ciri yang dikaji, sekurang-kurangnya satu ciri akan menampakkan perhubungan yang signifikan.

## REKABENTUK PENYELIDIKAN

Bahagian ini membincangkan secara komprehensif dengan menjustifikasikan mengenai kawasan penyelidikan yang dipilih, rekabentuk sampel yang akan dijalankan, tempoh masa diperlukan dan seterusnya kaedah pengumpulan data yang terlibat.

## SAMPEL PENYELIDIKAN

Sebelum sampel penyelidikan dapat dibincangkan secara mendalam, penyelidik ingin menyatakan populasi yang menjadi tumpuan penyelidikan ini. Populasi yang terlibat disini adalah semua pelajar Semester 5 kursus Diploma Perguruan Malaysia disebuah maktab di Sarawak. Maklumat perangkaan yang didapati daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar maktab berkenaan yang melibatkan sebanyak 171 orang responden. Responden yang dipilih berdasarkan kepada tiga kumpulan pelajar yang latarbelakang pencapaian akademiknya cemerlang, kepujian dan lulus. Keputusan peperiksaan pelajar yang digunakan sebagai pembolehubah bebas di dalam kajian ini adalah markah terkumpul dari peperiksaan sepanjang empat semester. Markah guru

pembelajaran pelajar dikelaskan mengikut enam jenis gaya pembelajaran yang dicadangkan, prestasi akademik peperiksaan setiap semester pelajar berkenaan disemak untuk mengetahui wujudnya perkaitan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.

#### KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dilakukan, kaedah pengumpulan data dengan menggunakan soalselidik dan temubual telah dipilih oleh penyelidik. Kaedah soalselidik dipilih oleh penyelidik kerana menurut Oppenheim (1983), penggunaan soalselidik dapat meliputi sampel yang lebih besar dengan penambahan kos yang sederhana dan juga ia dapat memberikan pensampelan yang lebih tepat.

Sebelum prosedur pengumpulan data dapat dikendalikan dengan rasminya di maktab, permohonan kebenaran untuk menjalankan penyelidikan telah diperolehi terlebih dahulu dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Prosedur pengumpulan data dikendalikan oleh penyelidik sendiri di maktab kerana menurut Oppenheim (1983), kaedah pengendalian sendiri soalselidik dapat memastikan kadar respons yang tinggi, sampling yang tepat serta meminimalkan 'bias' penyelidik disamping membenarkan penyelidik sendiri mengendalikan serta memberi penerangan yang diperlukan kepada responden. Ini juga memberikan kelebihan ke atas kadar interaksi personal di antara penyelidik dengan responden yang terlibat.

Penyelidik seterusnya mendapatkan senarai nama kumpulan pelajar dan membahagi-bahagikan kumpulan tersebut mengikut kumpulan kelas bagi memudahkan pengendalian soalselidik. Setelah menyenaraikan kumpulan yang dikenalpasti, penyelidik akan menetapkan jadual pertemuan dengan responden secara bergilir-gilir mengikut kumpulan kerana responden yang terlibat adalah besar jumlahnya. Penyelidik akan menemui responden dan menerangkan tujuan kajian dijalankan dan memberi penerangan tentang teknik menjawab soal selidik yang telah dikemukakan. Setelah memahami arahan dan berada dalam keadaan selesa, responden akan mula menjawab soalan soal selidik. Pengisian keseluruhan soalselidik masa yang diambil oleh kebanyakan responden ialah antara 20 hingga 30 minit. Penyelidik sentiasa berada di bilik berkenaan untuk menjawab sebarang pertanyaan soalan dari responden. Setelah selesai menjawab, penyelidik mengingatkan responden untuk menyemak kembali kesemua helaian bercetak soal selidik telah pun dijawab. Tempoh masa yang diambil untuk mengendalikan keseluruhan prosedur mengendalikan soalselidik ialah 12 hari kerana pelajar terlibat dengan berbagai aktiviti yang berbeza dan ini menyukarkan penyelidik bertemu dengan responden secara serentak. Disamping itu juga penyelidik telah menjalankan sesi temubual dengan sembilan orang pelajar yang dipilih secara rawak untuk meninjau pendapat dan pandangan mereka tentang kurikulum, kaedah pengajaran dan bahan kursus. Tujuan pengumpulan maklumat secara temubual ialah untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh tentang perasaan mereka terhadap pembelajaran yang sedang mereka ikuti. Penyelidik terpaksa mencari luar waktu kuliah untuk menjalankan soalselidik ini bagi mengelakkan gangguan waktu kuliah dan gerko.

Akhir sekali, penyelidik akan mengumpulkan kesemua soalselidik dari setiap responden dan membuat penyemakan sekali lagi untuk menentukan bilangan kutipan yang tepat.

#### INSTRUMEN KAJIAN

Untuk mencapai objektif utama dan objektif sampingan kajian ini, penyelidik telah menghasilkan satu soalselidik yang mengandungi 96 item dan terbahagi kepada dua bahagian. Keseluruhan soal selidik yang akan dikemukakan kepada responden mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A mengandungi lima soalan yang mengandungi maklumat demografi responden yang merangkumi jantina, umur, etnik, tempat asal dan keputusan peperiksaan. Walaupun responden diminta mencatat nama dan nombor matrik, tetapi maklumat tersebut hanya digunakan untuk tujuan penyemakan keputusan peperiksaan dan ia tidak digunakan untuk penganalisan data. Markah peperiksaan akhir tahun digunakan untuk membuktikan wujudnya hubungkait di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Butir-butir maklumat diri dan demografi diletakkan dibahagian A. Bahagian ini cuba mendapatkan maklumat berkenaan ciri-ciri demografi responden iaitu:-

- i. Jantina (dua kategori)
- ii. Umur (tiga kategori)
- iii. Bangsa (enam kategori)
- iv. Tempat asal (empat kategori)
- v. Keputusan peperiksaan (tiga kategori)

Responden cuma perlu menandakan (X) pada petak yang menggambarkan ciri-ciri demografi iaitu jantina, umur, bangsa, dan tempat asal. Pencapaian akademik pelajar tidak dicatatkan di borang soal selidik kerana penyelidik

akan menyemak keputusan peperiksaan pelajar dan melihat hubungan kait secara langsung di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik

Bahagian B: Mengandungi sembilan puluh soalan soal selidik Model 'Grasha – Reichmann Student Learning Styles' yang mewakili enam kategori gaya pembelajaran iaitu bebas, mengelak, bekerjasama, mengharap, bersaing dan melibatkan diri. Setiap kategori gaya pembelajaran diwakili oleh lima belas soalan soal selidik. Jumlah yang relatif akan menunjukkan gaya pembelajaran yang dipilih. Kesemua soalan yang terkandung dalam soal selidik Bahagian B yang dikemukakan adalah soalan-soalan jenis tertutup yang menggunakan skala Likert. Soalan-soalan jenis tertutup dipilih untuk kajian ini kerana ia mudah dikendalikan, cepat untuk dijawab dan tidak memerlukan penulisan (Oppenheim, 1983). Pemilihan perkataan yang sesuai dan mudah difahami dibuat oleh penyelidik untuk disesuaikan kepada tahap responden yang disampelkan (Sekaran, 1992). Kesemua sembilan puluh soalan adalah diukur menggunakan skala Likert, iaitu dipilih kerana ia adalah satu skala yang mudah digunakan serta ia membolehkan pengiraan min dan sisihan lazim dibuat ke atas respons terhadap pembolehubah-pembolehubah. Memandangkan kesemua sela antara skala adalah sama, ia boleh mengukur magnitud perbezaan dalam tahap keutamaan dikalangan individu (Sekaran, 1992). Oleh kerana Skala Likert yang menggunakan lima pengukuran skala adalah pengukuran yang paling baik maka penyelidik telah memilih lima pengukuran skala untuk kajian penyelidik. Penyelidik telah menetapkan skor 1 untuk menunjukkan skala amat tidak bersetuju, skor 2 menunjukkan skala tidak setuju, skor 3 menunjukkan skala tidak pasti, skor 4 menunjukkan skala setuju dan skor 5 menunjukkan skala amat setuju.

Skala Likert merupakan kaedah yang amat popular untuk mengukur sikap. Dengan menggunakan skala Likert, responden menunjukkan sikap mereka dengan menyemak setakat mana mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan terhadap objek sikap (Zikmund, 1991). Responden cuma perlu mengisi petak kosong yang terdapat diujung setiap soalselidik dengan angka yang mewakili pilihan pendapat yang terbaik untuk menjelaskan perasaan responden. Jawapan responden akan dibahagikan kepada enam kategori gaya pembelajaran berdasarkan lembaran skor yang disediakan. Markah bagi keenam-enam kategori gaya pembelajaran akan dijumlahkan bagi melihat kecenderungan pelajar ke arah satu jenis gaya pembelajaran. Soalselidik yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar telah dibuat atas kertas bersaiz A4, iaitu dengan ukuran 11" X 8". Soalselidik yang dikemukakan kepada responden mengandungi empat helaian bercetak. Contoh soalselidik yang dikemukakan pada responden ada dilampirkan dibahagian Lampiran B. Untuk menganalisa data yang didapati, jawapan daripada semua responden akan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah skor keseluruhan untuk semua pembolehubah bebas dan bersandar yang terlibat. Jumlah skor keseluruhan ini kemudiannya akan digunakan untuk penganalisan statistik inferens seperti Korelasi Pearson R , Korelasi , Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Kesemua penganalisan data statistik inferens penyelidik akan dibuat dengan menggunakan perisian statistik SPSS (Statistical Package for Social Sciences) for Window 6.1 Pakej ini dipilih oleh penyelidik kerana ia mudah digunakan disamping berupaya menghasilkan pameran graf-geraf dan jadual. Ia juga mampu menganalisa banyak analisis statistik yang berguna seperti frekuensi, deskriptif, korelasi, ujian-t, ANOVA, faktor analisis dan lain-lain lagi (Norusis, 1994).

## KEESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN.

Saiz populasi yang dikaji adalah seramai 171 orang pelajar. Kajian rintis tidak dijalankan kerana soalselidik yang digunakan adalah soalselidik yang pernah digunakan dalam kajian-kajian di luar negara. Penyelidik hanya menterjemahkan soal selidik dari Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia dan telah berusaha memastikan instrumen kajian yang digunakan adalah yang terbaik dalam situasi penyelidikan ini. Dengan itu instrumen kajian yang digunakan bolehlah dikatakan mempunyai keesahan yang tinggi, khususnya keesahan kandungan (Mohd. Majid, 1990). Dalam pentadbiran soal selidik nanti, kita akan lihat bagaimana penyelidik telah berusaha mendapatkan respons yang tinggi dan berkualiti dengan cara mengendalikan sendiri pengedaran, penerangan dan pengumpulan soal selidik.

Mengenai kebolehpercayaan instrumen pula, Mohd. Majid (1990:167) menggariskan lima tindakan yang boleh diambil oleh penyelidik bagi meningkatkan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan iaitu:

- i. Item-item dinyatakan dengan jelas dan tepat.
- ii. Arahan-arahan yang jelas dan ringkas diberikan.
- iii. Pentadbiran soal selidik dijalankan dalam keadaan yang piawai, serupa dan terkawal.
- iv. Gangguan semasa menjawab soal selidik dikurangkan.
- v. Jaminan kerahsiaan ke atas maklumat yang diberikan.
- vi. Pentadbiran Soal selidik.

Memandangkan kajian rintis tidak dijalankan, maka penyelidik berusaha untuk menjamin kebolehpercayaan instrumen kajian ini dengan menggunakan kaedah pentadbiran soal selidik yang terkawal. Penyelidik bernasib baik kerana menggunakan responden yang terdiri daripada guru pelatih maktab

dimana penyelidik bertugas. Sebelum soal selidik diedarkan, penyelidik mendapat kebenaran daripada pengetua untuk menjalankan penyelidikan dengan cara mengedar, mdan mengutip sendiri soal selidik dari responden. Penyelidik juga mendapat kerjasama para pensyarah yang membenarkan penyelidik mengambil sebahagian masa mereka untuk membolehkan penyelidik mengedar, mengelola dan mengutip soal selidik dari responden. Soal selidik diedarkan mengikut kelas dan penyelidik sendiri yang memberi penerangan ringkas mengenai kajian yang sedang dijalankan. Menurut Mohd. Majid (1990), responden yang memahami tujuan sesuatu penyelidikan akan memberikan lebih tumpuan apabila menjawab soal selidik dan apabila menjawab soal selidik, jawapan mereka adalah lebih ikhlas. Di samping itu penyelidik telah berjaya menyediakan satu suasana yang piawai bagi semua responden dan gangguan semasa menjawab soal selidik juga telah diminimakan.

#### KADAR RESPONDEN DAN CIRI-CIRI RESPONDEN

Penyelidik telah cuba mendapatkan jumlah responden yang tinggi supaya keesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan dapat diperkukuhkan. Memandangkan penyelidik telah mengendalikan pendedaran dan pengumpulan soalselidik di maktab, kadar respon yang diterima adalah 100 peratus. Semua borang soal selidik telah digunakan untuk tujuan analisis statistik. Penyelidik telah cuba mendapatkan responden yang tinggi supaya kesahihan dan kebolehpercayaan penyelidikan dapat diperkukuhkan. Memandangkan penyelidik telah mengendalikan sendiri pendedaran dan pengumpulan soal selidik , kadar respon yang diterima adalah 100 peratus. Oleh itu semua borang soal selidik telah digunakan untuk tujuan analisis statistik.

### Pengkodan data.

Data bagi ciri demografi yang diukur pada skala nominal akan diberikan nombor perwakilan yang cuma bertujuan membezakan responden mengikut ciri masing-masing. Item-item dalam Bahagian B soal selidik diukur pada skala sela. Semua item positif dikod dengan pemberat yang sama dengan nombor yang digunakan dalam pemeringkatan skala Likert yang digunakan. Item negatif pula dikod secara songsang.

### Analisis Deskriptif.

Analisis deskriptif dilakukan ke atas lima faktor demografi iaitu jantina, umur, etnik, latarbelakang tempat tinggal dan keputusan peperiksaan. Min keseluruhan akan memberi gambaran tentang status semasa responden bagi kelima-lima faktor ini. Min keseluruhan faktor persepsi yang tinggi (menghampiri 5), bermakna responden mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap gaya pembelajaran yang dipilih.

### Analisis korelasi

Analisis korelasi dijalankan untuk mencari perhubungan yang mungkin wujud di antara pembolehubah yang dikaji (Cohen dan Manion, 1985). Dengan menggunakan SPSS 6.1 skor min kelima-lima faktor bagi setiap responden dikorelasikan dengan pembolehubah bersandar iaitu gaya pembelajaran yang telah dijalankan. Pekali korelasi Pearson digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah perhubungan diantara pembolehubah bersandar dengan setiap pembolehubah tidak bersandar yang dikaji. Cohen dan Manion (1985) turut menyarankan nilai pekali korelasi disekitar 0.05 sebagai menunjukkan perhubungan yang cukup kuat. Ujian korelasi "two-tailed" (Brenson dan

Levine”, 1996) digunakan, manakala paras signifikan pula ditetapkan pada  $<.05$  (Sekaran 1992)

#### Analisis perbandingan.

Ujian-t digunakan untuk membandingkan perbezaan min di antara dua kumpulan, contohnya kumpulan responden lelaki berbanding kumpulan responden perempuan. Ujian ANOVA satu hala pula digunakan untuk membandingkan perbezaan dikalangan beberapa kumpulan; iaitu kumpulan umur, bangsa, tempat asal dan keputusan peperiksaan responden. Kumpulan bangsa dengan gaya pembelajaran dikaji untuk melihat pertalian mereka diperolehi. Perkaitan tempat asal untuk melihat wujudnya hubungan yang signifikan dengan gaya pembelajaran. Bagi melihat perkaitan antara keputusan peperiksaan dengan gaya pembelajaran, ujian korelasi digunakan.

## BAB 4

### KEPUTUSAN KAJIAN

Bab ini mengemukakan keputusan analisis kajian yang telah dijalankan. Bermula dengan analisis responden, satu gambaran awal tentang ciri-ciri demografi responden telah diperolehi. Penganalisan data yang diperolehi akan dibentangkan dan diuraikan secara terperinci dalam bab ini. Statistik deskriptif yang merangkumi min dan sisihan piawai mengenai semua pemboleh ubah yang terlibat diilustrasikan dalam bentuk jadual serta diberi penerangan. Pembentangan keputusan mengikut turutan hipotesis-hipotesis kajian akan dinyatakan dalam bahagian keputusan dan diikuti dengan penerangan penerimaan atau penolakan hipotesis yang sewajarnya.

Keputusan analisis deskriptif menggambarkan status pelajar dari aspek persepsi mereka terhadap gaya pembelajaran dan sejauh mana gaya pembelajaran telah mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Jadual korelasi pula menunjukkan perhubungan di antara pemboleh ubah bersandar iaitu gaya pembelajaran dengan pemboleh ubah tak bersandar iaitu keputusan peperiksaan.

Seterusnya, keputusan ujian-t dan ujian ANOVA satu hala menunjukkan kesignifikanan perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan ciri demografi responden.

## STATISTIK DESKRIPTIF

Jadual 4.0 menunjukkan statistik deskriptif untuk semua pembolehubah-pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar yang digunakan dalam kajian penyelidikan.

JADUAL 4-0 Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah bebas

PEMBOLEHUBAH	Min	Sisihan Ipiawai
Jantina	3.55	0.387
Umur	3.74	0.414
Etnik	3.53	0.339
Tempat asal	3.42	0.343
Keputusan peperiksaan	3.54	0.383

Kesemua pembolehubah yang terlibat dinyatakan dalam min dan sisihan piawai yang diperolehi daripada jumlah markah setiap kategori faktor pembolehubah dibahagikan dengan bilangan soalan yang dinyatakan untuk semua responden yang terlibat. Adalah didapati bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa jantina mempunyai pengaruh dalam gaya pembelajaran mereka. Kebanyakan mereka tidak pasti sama ada umur mempengaruhi gaya pembelajaran. Mengenai bangsa, majoriti responden bersetuju bahawa bangsa memberi kesan kepada gaya pembelajaran seseorang. Mengenai tempat asal, responden hampir tidak setuju bahawa ianya boleh mempengaruhi gaya pembelajaran mereka. Majoriti responden juga tidak setuju bahawa keputusan peperiksaan dipengaruhi oleh gaya pembelajaran.

## KEPUTUSAN

Penganalisan dapatan dibuat berdasarkan kepada turutan setiap hipotesis yang telah dinyatakan. Pembentangan keputusan hasil dapatan dibuat mengikut ujian statistik inferens yang telah ditetapkan mengikut hipotesis-hipotesis tertentu. Penerimaan atau penolakan hipotesis yang dibuat oleh penyelidik akan diterangkan dengan bantuan ilustrasi jadual serta nilai-nilai yang diperolehi.

Seterusnya keputusan Ujian- t menunjukkan kesignifikan hubungan keenam-enam gaya pembelajaran berdasarkan ciri demografi responden iaitu jantina. Manakala ujian ANOVA satu hala pula menunjukkan kesignifikan hubungan gaya pembelajaran berdasarkan ciri demografi responden iaitu umur, bangsa dan tempat asal responden. Ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan kesignifikan gaya pembelajaran dengan keputusan peperiksaan.

## ANALISIS RESPONDEN

Ciri demografi bagi 171 orang responden kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 4-1 Analisis responden (n=171)

CIRI DEMOGRAFI	BILANGAN	PERATUS (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	44	25.7
Perempuan	127	74.3
<b>Umur</b>		
18-21	26	15.2
22-25	113	66.1
26-29	32	18.7
<b>Bangsa</b>		
Melayu	57	33.3
Cina	61	35.7
Iban	27	15.8
Melanau	15	8.8
Bidayuh	8	4.7
Lain-lain	3	1.8
<b>Tempat asal</b>		
Bandar	53	31.0
Pinggir bandar	35	20.5
Luar bandar	74	43.3
Pedalaman	9	5.3
<b>Keputusan peperiksaan</b>		
Cemerlang	52	30.4
Kepujian	73	42.7
Lulus	46	26.9

## KEPUTUSAN ANALISIS PERBANDINGAN

Keputusan Ujian-t akan menunjukkan sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran responden mengikut jantina. Keputusan Ujian ANOVA satu hala pula akan menunjukkan sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran responden berdasarkan umur, etnik dan tempat asal. Keputusan ujian Korelasi digunakan untuk melihat perbezaan keputusan peperiksaan dengan gaya pembelajaran. Dalam jadual-jadual berikut, nilai min dan sisihan lazim bagi setiap kumpulan turut dikemukakan selain daripada nilai-nilai t dan paras signifikan.

Terdapat enam jenis gaya pembelajaran. Berpandukan kepada min jenis gaya pembelajaran, didapati terdapat persamaan gaya pembelajaran antara lelaki dengan perempuan iaitu kedua-dua kumpulan jantina ini memilih jenis gaya pembelajaran bergantung, bersaing, bekerjasama, bebas, mengelak dan melibatkan diri. Walau bagaimanapun pelajar lelaki menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran jenis bekerjasama berbanding dengan pelajar perempuan yang lebih cenderung ke arah gaya pembelajaran bergantung. Dari segi keseluruhan pula skor min gaya pembelajaran yang paling tinggi ialah gaya pembelajaran bergantung dan diikuti dengan gaya pembelajaran bekerjasama. Bagi jenis pembelajaran bersaing pula min pelajar lelaki lebih tinggi jika dibandingkan dengan min pelajar perempuan. Berdasarkan min gaya pembelajaran bekerjasama, pelajar lelaki telah menunjukkan kecenderungan lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga lebih gemar memilih gaya pembelajaran bebas jika dibandingkan dengan pelajar perempuan. Min gaya pembelajaran pelajar perempuan lebih tinggi pada gaya pembelajaran mengelak dan pelajar lelaki pula menunjukkan kecenderungan melibatkan diri lebih baik daripada pelajar

perempuan. Kesimpulannya perbezaan yang ketara dalam memilih gaya pembelajaran antara lelaki dan perempuan tidak jauh berbeza.

Jadual 4-2 : Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah jantina dan enam jenis gaya pembelajaran.  
( n = 171).

	Bergantung	Bersaing	Bekerja Sama	Bebas	Mengelak	Melibatkan diri
Lelaki						
Min	3.84	3.45	3.92	3.52	2.86	3.71
Sisihan piawai	.371	.468	.316	.405	.339	.469
Perempuan						
Min	3.91	3.43	3.86	3.49	2.92	3.65
Sisihan piawai	.423	.457	.302	.368	.354	.374

Berpandukan kepada min enam jenis gaya pembelajaran, didapati bahawa ketiga-tiga kelompok umur yang menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran bergantung dan bekerjasama. Min ketiga-tiga kelompok umur menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran yang hampir sama. Walau bagaimanapun, kelompok umur 18-21 menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran bergantung. Kelompok umur 22-25 tahun pula cenderung memilih gaya pembelajaran bebas. Min tertinggi bagi kelompok umur 26-29 adalah gaya pembelajaran bersaing, bekerjasama dan melibatkan diri. Walau pun terdapat perbezaan yang ketara dari segi pemilihan gaya pembelajaran, namun ia tidak menunjukkan aras kesignifikan yang menunjukkan faktor umur banyak mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang.

Jadual 4 – 3 Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah umur dan enam jenis gaya pembelajaran.  
( n = 171)

	Bergantung	Bersaing	Bekerja Sama	Bebas	Mengelak	Melibat Kan diri
18-21						
Min	3.96	3.37	3.85	3.50	2.95	3.61
Sisihan piawai	.635	.526	.220	.357	.380	.445
22-25						
Min	3.87	3.43	3.87	3.52	2.91	3.66
Sisihan piawai	.350	.460	.322	.375	.354	.384
26- 29						
Min	3.92	3.50	3.90	3.43	2.85	3.72
Sisihan piawai	.384	.398	.312	.406	.316	.420

Berpandukan kepada min enam jenis gaya pembelajaran, terdapat persamaan di antara gaya pembelajaran etnik yang berlainan. Kesemua etnik yang dikaji gaya pembelajarannya menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran bergantung dan bekerjasama. Etnik Melayu menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran melibatkan diri. Min gaya pembelajaran etnik Melanau menunjukkan kecenderungan yang ketara memilih gaya pembelajaran bergantung dan bekerjasama. Bagi etnik Iban pula menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran bersaing, bebas dan mengelak. Manakala etnik Melanau juga menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran bekerjasama adalah yang paling tinggi jika dibandingkan dengan ethnik yang lain. Bagi etnik Cina, Bidayuh dan lain-lain menunjukkan kecenderungan yang tidak dominan dalam semua gaya pembelajaran.

Jadual 4 - 4 Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah etnik dan enam jenis gaya pembelajaran ( n = 171)

		Bergantung	Bersaing	Bekerja Sama	Bebas	Mengelak	Melibatkan diri
Melayu	Min	3.97	3.55	3.93	3.58	2.96	3.75
	Sisihan piawai	.506	.407	.292	.353	.283	.431
Cina	Min	3.80	3.25	3.79	3.37	2.86	3.53
	Sisihan piawai	.345	.499	.263	.350	.417	.356
Iban	Min	3.82	3.61	3.88	3.63	3.00	3.75
	Sisihan piawai	.391	.463	.398	.451	.301	.426
Melanau	Min	4.08	3.44	4.03	3.50	2.73	3.73
	Sisihan piawai	.268	.238	.244	.315	.385	.347
Bidayuh	Min	4.00	3.56	3.85	3.49	2.85	3.70
	Sisihan piawai	.236	.257	.329	.300	.207	.361
Lain-lain	Min	3.71	2.97	3.82	3.33	2.73	3.66
	Sisihan piawai	.123	.379	.328	.529	.266	.176

Berpandukan kepada min jenis gaya pembelajaran mengikut tempat asal, didapati bahawa responden dari pinggir bandar, luar bandar dan pedalaman cenderung untuk memilih gaya pembelajaran bergantung dan diikuti pula dengan gaya pembelajaran bekerjasama. Berbeza dari responden yang berasal dari bandar, mereka menunjukkan kecenderungan untuk memilih gaya pembelajaran jenis bekerjasama.

Jadual 4 - 5 Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah tempat asal dan enam jenis gaya pembelajaran ( n = 171 )

	Bergantung	Bersaing	Bekerja Sama	bebas	Mengelak	Melibatkan diri
Bandar						
Min	3.85	3.41	3.89	3.50	2.91	3.62
Sisihan piawai	.385	.475	.037	.405	.361	.408
Pinggir bandar						
Min	3.96	3.63	3.88	3.546	2.86	3.69
Sisihan piawai	.629	.403	.297	.404	.378	.434
Luar bandar						
Min	3.88	3.88	3.86	3.48	2.94	3.67
Sisihan piawai	.297	.460	.313	.351	.344	.383
Pedalaman						
Min	3.89	3.44	3.88	3.50	2.90	3.67
Sisihan piawai	.206	.415	.341	.351	.170	.391

Merujuk kepada min jenis gaya pembelajaran berdasarkan keputusan peperiksaan, di dapati jenis gaya pembelajaran bergantung lebih ketara terdapat di kalangan responden yang mencapai keputusan cemerlang, kepujian dan lulus. Ini diikuti oleh jenis gaya pembelajaran bekerjasama yang menunjukkan hubungan yang kuat dengan keenam-enam gaya pembelajaran tersebut.

Jadual 4 - 6 Min dan sisihan piawai untuk pembolehubah keputusan peperiksaan dan enam jenis gaya pembelajaran ( n = 171 )

	Bergantung	Bersaing	Bekerja Sama	Bebas	Mengelak	Melibatkan diri
Cemerlang						
Min	3.82	3.32	3.85	3.44	2.90	3.54
Sisihan piawai	.520	.503	.287	.338	.375	.384
Kepujian						
Min	3.94	3.50	3.90	3.53	2.89	3.74
Sisihan piawai	.325	.432	.292	.407	.334	.374
Lulus						
Min	3.89	3.46	3.86	3.50	2.92	3.70
Sisihan piawai	.387	.433	.348	.370	.354	.431

Hipotesis 1. Faktor jantina mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Keputusan Ujian-t menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara jantina dengan enam gaya pembelajaran. Keputusan Ujian-t antara kedua-dua pembolehubah ditunjukkan dalam Jadual 4-7. Didapati ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam enam jenis gaya pembelajaran di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Ini bermakna hipotesis 1 adalah tidak diterima.

Jadual 4-7 Keputusan Ujian t jantina dengan enam jenis gaya pembelajaran.

JANTINA	MIN	SISIHAN LAZIM	NILAI t
Bebas			
Lelaki	3.84	.371	.480
Perempuan	3.91	.423	.458
Mengelak			
Lelaki	2.86	.339	-.864
Perempuan	2.92	.354	-.883
Bekerjasama			
Lelaki	3.92	.316	1.096
Perempuan	3.86	.302	1.071
Bergantung			
Lelaki	3.84	.371	-1.009
Perempuan	3.91	.423	-1.075
Bersaing			
Lelaki	3.45	.468	.241
Perempuan	3.43	.457	.238
Melibatkan diri			
Lelaki	3.71	.469	.856
Perempuan	3.65	.374	.768

Hipotesis 2 : Faktor umur mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Keputusan Analisis Varians (ANOVA), terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara umur dengan gaya pembelajaran. Pada aras kesignifikanan 0.05, gaya pembelajaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan umur. Daripada Ujian ANOVA, nilai F untuk keenam-enam jenis gaya pembelajaran pada aras kesignifikanan 0.05, gaya pembelajaran bebas, mengelak, bekerjasama, bergantung, bersaing dan melibatkan diri tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan umur. Keputusan ini menunjukkan hipotesis 2 adalah tidak disokong.

Jadual 4-8 Keputusan Analisis Varians (ANOVA) antara umur dengan enam jenis gaya pembelajaran.

Pembolehubah bersandar	Nilai F
Bebas	.56 ( p = .568 )
Mengelak	.57 ( p = .565 )
Bekerjasama	.21 ( p = .811 )
Bergantung	.65 ( p = .523 )
Bersaing	.56 ( p = .571 )
Melibatkan diri	.63 ( p = .530 )
Gaya pembelajaran keseluruhan	0.77 ( p = 0.464 )

Hipoteis 3 : Faktor etnik mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Keputusan Analisis Varians (ANOVA) , didapati nilai F untuk etnik adalah 3.622 ( p = 0.004) . Keputusan ini menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan di antara etnik dengan gaya pembelajaran. Pada aras kesignifikanan 0.05, gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan etnik pada nilai F 3.62 ( p = 0.004). Bagi keenam-enam gaya pembelajaran tersebut, terdapat empat gaya pembelajaran yang memperlihatkan hubungan yang signifikan dengan etnik iaitu bebas , 2.91 ( p = 0.015), bersaing, 4.58 ( p = 0.001). bekerjasama 2.29 ( p = 0.048), melibatkan diri 2.33 ( p = 0.044). Keputusan ini menunjukkan hipotesis 3 adalah diterima.

Jadual 4-9 Keputusan Analisis Varians (ANOVA) antara etnik dengan enam jenis gaya pembelajaran.

Pembolehubah bersandar	Nilai F
Bebas	2.91 ( p = .015 )
Mengelak	1.86 ( p = .103 )
Bekerjasama	2.29 ( p = .048 )
Bergantung	2.14 ( p = .063 )
Bersaing	4.58 ( p = .001 )
Melibatkan diri	2.33 ( p = .044 )
Gaya pembelajaran keseluruhan	3.62 ( p = 0.004 )

Hipotesis 4 : Faktor latarbelakang tempat asal mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Hasil dari keputusan Analisis ANOVA, didapati nilai F untuk tempat asal adalah 0.588 ( p = 0.623). Pada aras kesignifikanan 0.05, keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara tempat asal dengan gaya pembelajaran dan hipotesis 4 tidak disokong.

Jadual 4-10 Keputusan Analisis Varians (ANOVA) antara tempat asal dengan enam jenis gaya pembelajaran.

Pembolehubah bersandar	Nilai F
Bebas	.23 ( p = .871 )
Mengelak	.93 ( p = .423 )
Bekerjasama	.08 ( p = .966 )
Bergantung	.514 ( p = .674 )
Bersaing	2.73 ( p = .046 )
Melibatkan diri	.423 ( p = .737 )
Gaya pembelajaran keseluruhan.	0.588 ( p = 0.623 )

Hipotesis 5 : Faktor keputusan peperiksaan mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Keputusan analisis Korelasi Pearson, didapati tidak ada perhubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran secara keseluruhan dengan keputusan peperiksaan. Ini dapat dilihat daripada dapatan mengikut jenis gaya pembelajaran: bebas ( $r = 0.069$ ,  $p = 0.372$ ), mengelak ( $r = 0.022$ ,  $p = 0.779$ ), bekerjasama ( $r = 0.027$ ,  $p = 0.721$ ), bergantung ( $r = 0.073$ ,  $p = 0.342$ ) dan melibatkan diri ( $r = 0.159$ ,  $p = 0.037$ ). Dapatan menunjukkan gaya pembelajaran melibatkan diri mempunyai perhubungan yang signifikan dengan gaya pembelajaran. Walaupun demikian keputusan keseluruhan menunjukkan tidak ada perhubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan keputusan peperiksaan dan hipotesis 5 tidak disokong.

Jadual 4-11 Keputusan analisis Korelasi Pearson antara keputusan peperiksaan dengan gaya pembelajaran.

Pemboleh ubah bersandar	Nilai r	Nilai p
Bebas	0.069	0.372
Mengelak	0.022	0.779
Bekerjasama	0.027	0.721
Bergantung	0.073	0.342
Bersaing	0.118	0.125
Melibatkan diri	0.159	0.037
Gaya pembelajaran keseluruhan	0.104	0.175

\* Paras kesignifikanan adalah  $p < 0.05$ .

## KESIMPULAN

Setelah dianalisis kesemua dapatan mengikut hipotesis dengan ujian statistik inferens yang sesuai, didapati H1, H2, H4 dan H5 telah tidak diterima. Hanya H3 telah diterima dan disokong. Keputusan hipotesis kajian telah menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara etnik dengan gaya pembelajaran. Manakala jantina, umur, tempat asal dan keputusan peperiksaan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran. Keputusan kajian juga menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara jantina, umur, tempat asal dan keputusan peperiksaan dengan gaya pembelajaran. Keputusan dapatan telah menunjukkan H1, H2, H4 dan H5 ditolak. Dapatan tidak dapat menunjukkan terdapatnya perhubungan positif yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan jantina, umur, tempat asal dan keputusan peperiksaan. Dapatan analisis varians juga tidak dapat menunjukkan

perbezaan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar iaitu umur, tempat asal dan keputusan peperiksaan.

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bab ini bermula dengan membincangkan keputusan dalam Bab 4. Setelah memahami keputusan yang diperolehi, cadangan-cadangan dikemukakan tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi memperkembangkan lagi aktiviti penyelidikan tentang gaya pembelajaran. Implikasi kajian ini akan merangkumi implikasi untuk pengurus, pihak pengamal yang berkaitan dan implikasi untuk teori dan penyelidikan masa akan datang dibincangkan. Limitasi kajian untuk penyelidikan ini akan dinyatakan sebelum kesimpulan keseluruhan kajian ini dibuat.

### PERBINCANGAN

Perbincangan ini dijalankan menurut susunan objektif kajian iaitu bermula dengan membincangkan status semasa pelajar bagi kelima-lima faktor. Keputusan kajian dibincang dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas dan juga karya-karya gaya pembelajaran, khususnya yang terkini. Kesan yang mungkin berpunca daripada reka bentuk kajian juga akan diambilkira.

H 1 : Faktor jantina mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Hasil daripada keputusan kajian ini telah menunjukkan tidak wujud perhubungan positif yang signifikan di antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran di kalangan pelajar. Kajian ini mendapati kedua-dua kelompok jantina menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran yang hampir sama. Walau bagaimanapun pelajar lelaki lebih menggemari gaya

pembelajaran bekerjasama. Sebagai menyokong dapatan ini, (Fennema, 1987) menyatakan bahawa pelajar lelaki lebih baik dalam bidang Sains sama ada dalam pencapaian mahupun penglibatan. Kenyataan tersebut bermaksud gaya pembelajaran pelajar lelaki lebih cenderung kepada aktiviti pembelajaran yang melibatkan kumpulan dan melibatkan diri. Pelajar perempuan pula dikatakan menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran bergantung. Basett (1978) menyatakan bahawa pelajar perempuan lebih bergantung kepada bahan pengajaran. Walau bagaimanapun, kajian - kajian terkini mendapati faktor jantina amat sedikit mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Oleh yang demikian M.Linn dan Hyde (1989) mencadangkan supaya program-program pendidikan dan peranan guru untuk memastikan pelajar lelaki dan perempuan diberi peluang yang sama dalam pembelajaran. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa para pendidik harus melayani pelajar yang berbeza jantina secara adil dan kecenderungan membezakan layanan berdasarkan jantina perlu dihapuskan.

H2 : Faktor umur mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Hasil dari keputusan kajian telah menunjukkan tiada perhubungan positif yang signifikan di antara umur dengan gaya pembelajaran. Ini bermakna umur tidak mempunyai pengaruh yang kuat terhadap gaya pembelajaran. Tidak ada hubungan yang signifikan mungkin disebabkan kelompok umur responden yang dikaji adalah sangat hampir. Pendapat ini disokong oleh dapatan Gurley (1984) yang menyatakan bahawa seseorang itu belajar dan membentuk ciri gaya pembelajaran sendiri bukan dipengaruhi oleh umur tetapi adalah disebabkan kecenderungan individu. Lewis (1991) mendapati pelajar Cina cepat matang dan menunjukkan kecerdasan yang lebih baik jika dibandingkan

dengan pelajar Melayu. Walaupun demikian, kelebihan tersebut menurun mengikut umur dan tidak menunjukkan perhubungan yang signifikan menjelang umur 16 tahun yang membolehkan pelajar Cina dikatakan lebih matang jika dibandingkan dengan pelajar Melayu. Pelajar lelaki yang muda lebih menggemari dimensi simulasi dan main peranan manakala pelajar yang lebih dewasa menggemari cara kuliah, arahan berstruktur, latih tubi dan hafalan (Lewis, 1991). Kajian Grun (1986) mendapati teori konseptual menunjukkan adanya perhubungan di antara umur dengan gaya pembelajaran. Loerke (1996) pula mendapati pelajar dewasa lebih cenderung untuk berkongsi dan melibatkan diri dalam pembelajaran jika dibandingkan dengan pelajar yang lebih muda.

H 3 : Faktor etnik mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Dapatan kajian ini menunjukkan adanya perhubungan yang signifikan di antara etnik dengan gaya pembelajaran. (Nuby et al, 1996) menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran di kalangan pelajar Afrika-Amerika dan pelajar asal Amerika. Ini menunjukkan yang etnik mempengaruhi kecenderungan memilih sesuatu gaya pembelajaran. Setiap etnik mempamerkan pelbagai ciri gaya pembelajaran tersendiri (Nuby et al, 1996). Mc-Veigh, Brian (1995) telah mengenalpasti trait umum pelajar Jepun. Kajian Tamao-Katsuo pula mendapati wujudnya perbezaan yang nyata dari segi pemilihan gaya pembelajaran tertentu di kalangan pelajar dari etnik Cree, Dene dan Metis di Canada. Wallace (1992) mengatakan gaya pembelajaran sangat berhubung rapat dan dipengaruhi oleh etnik seseorang pelajar. Wallace (1992) mendapati pelajar Filipina telah menunjukkan kecenderungan untuk berhenti rehat seketika semasa belajar dan suka melakukan beberapa

kerja dalam satu masa. Dapatan kajian ini telah memberi gambaran secara umum tentang kecenderungan mengikut etnik tertentu. Lewis (1991) pula mendapati, wujud perbezaan yang ketara dari segi gaya pembelajaran pelajar Melayu, Cina dan India di Malaysia. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa kepelbagaian etnik di dalam sesuatu masyarakat perlu diambilkira apabila merancang kurikulum pendidikan supaya pengajaran yang disampaikan dapat memenuhi perbezaan gaya pembelajaran yang ada pada setiap individu. Penduduk Malaysia yang terdiri daripada berbagai etnik telah membentuk kepelbagaian bahasa, budaya dan agama. Latarbelakang masyarakat yang rencam ini perlu difahami kerana ia mempengaruhi persepsi pembelajaran setiap individu. Oleh yang demikian, faktor kepelbagaian etnik wajar diberi supaya setiap pelajar dapat memajukan potensi diri mengikut kecenderungan dan keupayaan masing-masing.

H4 : Faktor latar belakang tempat asal mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Hasil dari keputusan ujian menunjukkan tiada perhubungan yang signifikan diantara tempat asal dengan gaya pembelajaran. Berdasarkan kepada maklumat tambahan yang diperolehi dari pelajar, kebanyakan mereka ditempatkan di asrama sejak di sekolah rendah hingga tamat sekolah menengah. Sebahagian besar tempoh masa pelajar melalui proses pembelajaran, berada jauh dari kampung halaman dan kaum keluarga. Ini mungkin menyebabkan kurangnya pengaruh tempat asal dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Dapatan Lewis (1991) menunjukkan bahawa pelajar di kawasan luar bandar tidak mendapat peluang pendidikan yang boleh memberi mereka pendedahan dan pengalaman yang mencukupi jika dibandingkan dengan pelajar bandar yang banyak

pendedahan disamping kemudahan yang lengkap di sekolah. Berdasarkan kepada kajian, penyelidik mendapati pelajar yang datang dari kawasan luar bandar dan pedalaman menunjukkan kecenderungan memilih gaya pembelajaran jenis bergantung yang paling kuat jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang berasal dari kawasan pinggir bandar mahupun luar bandar. Walau bagaimanapun Vygotsky (1978) mengatakan, untuk memahami pembangunan fungsi mental yang tinggi, seseorang individu itu perlu mendalami nilai dan pengetahuan tentang budaya mereka. Ini bermakna tempat asal atau di mana seseorang itu dibesarkan memberi pengaruh yang kuat terhadap gaya pembelajarannya. Pendapat ini bertentangan dengan pandangan Dwyer (1996) yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran berubah mengikut masa dan persekitaran. Contohnya pelajar yang baru memasuki sekolah menunjukkan gaya pembelajaran yang berbeza jika dibandingkan dengan apabila ia berada ditahun akhir. Pelajar masakini hidup dalam persekitaran yang berbeza dan cara kita berfikir juga dipengaruhi oleh latarbelakang kehidupan kita (Cole, 1990). Oleh yang demikian memahami cara dan gaya pembelajaran boleh meningkatkan pemahaman guru khasnya dalam memilih cara menyampaikan pengajaran menerusi kaedah yang paling sesuai dengan keperluan pelajar membangunkan fungsi mental yang tinggi dengan cara mendalami nilai dan pengetahuan tentang budaya mereka.

H 5 : Faktor keputusan akademik mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan dengan gaya pembelajaran.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa keputusan peperiksaan tidak menggambarkan perhubungan yang positif dan signifikan dengan gaya pembelajaran. Decoux, (1988) berpendapat bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan gaya

pembelajaran. Kajian Purkiss (1994) bertentangan dengan pendapat ini kerana beliau mendapati wujud perhubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik secara keseluruhan. Hanya gaya pembelajaran tertentu seperti gaya pembelajaran bekerjasama dan melibatkan diri menunjukkan kesignifikanannya. Manakala Goodwin (1996) pula menyatakan, jika pengajaran sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar, besar kemungkinan pelajar akan menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian akademik dan jumlah pelajar yang lulus juga akan meningkat. Daripada dapatan-dapatan kajian yang lalu, didapati ada percanggahan pendapat tentang perhubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor kerana pencapaian akademik seseorang itu banyak dipengaruhi oleh faktor lain seperti motivasi dan persekitaran.

#### IMPLIKASI UNTUK LATIHAN DAN PENYELIDIKAN

Implikasi yang akan dinyatakan dalam bahagian ini merangkumi implikasi untuk pengurus dan pihak-pihak pengamal serta untuk teori-teori dan penyelidikan akan datang.

Implikasi untuk pengurus dan pihak-pihak pengamal (Practitioner).

Pengurus yang diaplikasikan dalam konteks ini adalah ditujukan khasnya kepada pihak pengurus institusi pendidikan dan pihak pengamal yang dirujuk ialah guru yang terlibat dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan meliputi ruang yang luas dan matlamat muktamad pendidikan ialah untuk mencapai kesejahteraan rakyat serta kesejahteraan bangsa (Awang Had Salleh 1998). Oleh yang demikian pendidikan haruslah mampu memenuhi

tanggungjawab melahirkan insan yang harmonis dan seimbang selaras dengan keperluan dirinya dan kehendak negara.

Perubahan-perubahan yang semakin ketara masakini ialah konsep pendidikan sebagai proses seumur hidup. Proses yang berhubungkait dengan semua aspek pembelajaran, penuh makna dan realiti kepada pelajar. Pelajar sewajarnya mengambil bahagian secara aktif dan tidak hanya sebagai penerima yang pasif. Dalam usaha menyediakan masyarakat Malaysia dengan pendidikan yang lengkap bagi mengisi semua keperluan tersebut, institusi pendidikan mempunyai tanggungjawab melakukan perubahan di dalam sistem dan program pendidikan yang bersifat tradisional kepada transformasi dan modenisasi. Malangnya bukan semua persekolahan adalah pembelajaran (Dore, 1989). Sistem persekolahan masakini hanyalah proses perolehan sijil dan pengiktirafan yang akan dijadikan pengukur kepada kejayaan atau kegagalan seseorang individu. Ini menjadikan pembelajaran sebagai usaha memperolehi kelayakan yang menjemukan, dipenuhi dengan kebimbangan dan kebosanan. Proses pembelajaran seumpama ini juga tidak menggalakkan pelajar berfikir dan meneroka ilmu pengetahuan yang terdapat disekeliling mereka. Perasaan ingin tahu dan daya imaginasi individu tidak dikembangkan secara menyeluruh dan mendalam. Kesan daripada sistem pendidikan seumpama ini, besar kemungkinan akan ada pelajar yang bersikap anti pembelajaran.

Institusi pendidikan amat penting untuk membantu pembentukan seorang individu yang seimbang, maka aspek pendidikan perlu memahami bahawa setiap individu itu berbeza di antara satu dengan yang lain. Vygostky (1978) mengutarakan pendapat bahawa kebolehan yang biasanya diluar keupayaan

pembelajar, ia boleh dilaksanakan sekiranya terdapat bimbingan rakan sebaya yang lebih berkebolehan. Persaingan atas dasar meritokrasi memerlukan pendidikan yang bersifat kreatif dan inovatif.

Pendidikan merupakan agen perubahan yang mempunyai wawasan ideologi pembangunan sosial yang progresif ke arah mengisi keperluan pembinaan individu, masyarakat dan negara agar mampu bersaing dalam dunia era globalisasi. Bila pendidikan meletakkan matlamat untuk membina pekerja (manpower) semata-mata dan tidak penyuburan potensi dan hakikat insan (manhood), kesannya proses pembelajaran tidak menjadikan pemikiran individu itu tidak kritis dan kreatif. Taraf pemikiran mereka ialah pemikiran pengikut, bukannya membina dan memimpin. Justeru dalam hal ini pendidikan dan persekolahan perlu bersifat transformasi sesuai dengan dasar terbuka dan liberal yang disarankan.

Semasa guru menerima pelajar di sekolah satu ciri penting yang dapat diperhatikan ialah individu yang datang dari pelbagai aspek demografi seperti jantina, latar belakang keluarga, bahasa dan budaya. Masyarakat masa kini yang bersifat majmuk memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap perbezaan tersebut. Kaedah pengajaran, kurikulum dan penilaian perlu lebih fleksibel dan lebih sesuai dengan objektif untuk mendidik perkembangan individu. Konsep gaya pembelajaran menjadi penting dalam menghadapi perubahan kepelbagaian ini bukan sahaja dalam memberi maklumat kepada pengamal-pengamal pendidikan tetapi juga mengemukakan isu yang boleh membantu pihak pengurus sekolah untuk memikirkan dengan mendalam tentang tugas dan budaya organisasi yang di bawah tanggungjawab mereka. Maklumat tentang gaya pembelajaran menjadikan pengurus dan pendidik

lebih peka kepada perbezaan- perbezaan yang dibawa oleh setiap pelajar ke dalam bilik darjah. Ia juga boleh dijadikan panduan dalam mereka bentuk pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa dengan mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar yang kemudiannya diikuti oleh bimbingan, tunjukajar dan rangsangan yang konsisten telah menunjukkan berlakunya pembelajaran yang lebih efektif.

Perkembangan teknologi dan penyebaran maklumat berlaku dengan pesat. Zaman teknologi maklumat telah menawarkan prospek baru dalam menangani pembangunan sumber manusia melalui penerokaan dan penguasaan pengetahuan-pengetahuan baru, kemahiran dan juga nilai-nilai hidup bagi kesejahteraan individu dan masyarakat umumnya. Untuk tujuan ini, maka sistem pendidikan haruslah berupaya membekalkan keperluan tenaga mahir serta berkemampuan dalam bidang teknologi yang maju dan canggih. Penyediaan tenaga mahir yang berasaskan penguasaan ilmu perlu mengambilkira kepentingan meningkatkan kualiti pendidikan, kualiti pengajaran, kualiti sekolah dan kualiti pendidikan guru. Semua pihak khususnya para pendidik mempunyai citra masa hadapan yang realistik dan dinamik. Di dalam bilik darjah yang tradisional, kebanyakan guru menggunakan pendekatan berpusatkan guru apabila menyampaikan pengajarannya. Beberapa interpretasi berkembang berdasarkan tiga aspek konstruktivisme iaitu endogenous, exogenous dan dialectic ;

- Konstruktivisme endogenous menekankan corak proses pembinaan pengetahuan sebagai bergantung kepada individu. Pranan guru hanya sebagai fasilitator dengan menyediakan pengalaman-pengalaman melalui aktivi pembelajaran yang sesuai.

- Konstruktivisme exogenous mengutarakan pandangan pengajaran formal boleh membantu pembelajar membentuk representasi pengetahuan yang kemudiannya dapat disesuaikan kepada pengalaman berikutnya.
- Konstruktivisme dialectic menggambarkan pembelajaran yang berlaku melalui pengalaman yang realistik, tetapi pembelajar memerlukan apa yang digelar “scaffolding” sama ada oleh guru, seorang pakar atau oleh rakan sebaya yang bertugas bersamanya.

Di antara tiga pandangan konstruktivisme ini, pandangan dialectic merupakan pandangan yang paling bermakna dalam konteks persekitaran pembelajaran yang terdapat di negara ini. Lantas, ia juga menggariskan kepentingan interaksi dengan rakan-rakan sebaya semasa pembelajaran kooperatif yang akan dapat membantu proses pembinaan pengetahuan pembelajar dengan lebih berkesan dan penuh makna (Hajira & Ong 1998). Mengikut Slavin (1990), semua kaedah pembelajaran kooperatif bertujuan supaya pelajar bekerjasama untuk belajar dan bertanggungjawab bukan sekadar terhadap pembelajaran sendiri tetapi juga terhadap pembelajaran rakan-rakan dalam kumpulannya.

Aktiviti-aktiviti pembelajaran kooperatif boleh distruktur supaya setiap pelajar berperanan dalam keyajaan kumpulan dan penekanan diberikan kepada kemahiran sosial untuk menjamin keutuhan dan kelicinan pembelajaran kooperatif. Di samping itu, diwujudkan juga peluang yang sama untuk mencapai pembelajaran mereka untuk menilai keberkesanan mereka bekerjasama dalam kumpulan dan menetapkan sasaran peningkatan prestasi berdasarkan pencapaian semasa. Pembelajaran kooperatif apabila diamalkan dengan landasan fahaman konstruktivisme berpotensi meningkatkan kualiti

proses pengajaran dan pembelajaran dengan melibatkan pelajar dalam aktiviti-aktiviti seperti:

- Menjana soalan dan membentuk hipotesis iaitu kemahiran proses yang amat penting dalam pembelajaran sains. Dalam proses ini, setiap pelajar perlu menggunakan pengetahuan dan pengalaman awal mereka. Komunikasi melalui pertuturan membenarkan setiap pelajar berkongsi pandangannya dengan ahli-ahli lain dalam kumpulan.
- Menggunakan pemikiran tahap tinggi seperti pemikiran secara kritis dan kreatif untuk menjana alternatif dan seterusnya memilih alternatif yang akan diuji.
- Merancang dan melaksanakan penyiasatan sains dengan menggunakan proses-proses asas sains serta proses-proses sains bersepadu.
- Mengumpul maklumat melalui eksperimen, kajian lapangan, menyelidik topik di pusat sumber sekolah atau melalui CD ROM atau Internet dan menganalisis maklumat serta membuat keputusan.
- Menyediakan persembahan hasil penyiasatan untuk dihebahkan dan dikongsi dengan rakan-rakan dalam kelas.

Langkah-langkah di atas berlaku dalam konteks interaksi sosial; iaitu di antara pelajar dengan pelajar, pelajar dengan guru ataupun pelajar dengan ahli masyarakat. Segala ciri pembelajaran aktif seperti pertuturan, pendengaran, penulisan dan merefleksi, berpotensi untuk dikembangkan dalam pelajaran yang menggabungkan konstruktivisme dan pembelajaran kooperatif. Selain itu, gabungan pembelajaran kooperatif dengan konstruktivisme juga berpotensi mewujudkan aneka pembelajaran (multiple learning) yang merangkumi pembelajaran konsep, kemahiran sosial, kemahiran praktikal, kemahiran pelajar dan kemahiran berfikir. Kemahiran teknologi maklumat dapat juga diwujudkan dan dipupuk melalui penggunaan perisian seperti

Computer Supported Collaborative Learning, Computer Cooperative Work dan  
 Concept Mapping Tools.

Contoh Pengajaran Konstruktivisme

	PENDIDIKAN	
Pandangan Tradisional		Pandangan Masa Kini
<u>Falsafah:</u> -Berpusatkan subjek - Pengetahuan berpindah dari guru ke pelajar	→	Konstruktivis - Berpusatkan pelajar - Pengetahuan dibina oleh pelajar
<u>Kurikulum:</u> -Penekanan kepada pengumpulan maklumat.	→	Seimbang dan merangkumi -Proses sains & pengetahuan sains Pemikiran kreatif & kritis Penyelesaian masalah Celik sains
<u>Sumber pembelajaran:</u> - Buku teks sebagai sumber maklumat yang berkuasa	→	Penggunaan pelbagai sumber maklumat dan merangkumi, antara lain, -Multimedia CD ROM & Internet CBL/CAL
